

دولت كباواك دولي توان پاتيق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



SEMPENA MENYAMBUT ULANG
TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KE-
79
TAHUN



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

KELUARAN 14 JULAI 2025

NBD, SWITZERLAND TERUS MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman


Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Federal Councillor, Head of the Federal Department of Foreign Affairs of the Swiss Confederation, Tuan Yang Terutama Ignazio Cassis yang

mengadakan Lawatan Rasmi buat pertama kalinya ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 11 Julai hingga 12 Julai 2025.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Ignazio Cassis telah berbincang bagi meningkatkan hubungan dua hala antara NBD dan Switzerland yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Federal Councillor, Head of the Federal Department of Foreign Affairs of the Swiss Confederation, Tuan Yang Terutama Ignazio Cassis yang mengadakan Lawatan Rasmi buat pertama kalinya ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 11 Julai hingga 12 Julai 2025 (atas dan kiri).

telah terjalin sejak tahun 1984.

Kedua - dua negara mengalu-alukan lebih banyak lagi pertukaran antara rakyat bagi memperkukuhkan sikap saling memahami melalui program-program pembangunan kapasiti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

turut bertitah menzahirkan penghargaan kepada Switzerland yang menjadi tuan rumah kepada pertubuhan - pertubuhan antarabangsa serta komitmen konsisten negara tersebut terhadap multilateralisme dan diplomasi.

Menyertai Tuan Yang Terutama semasa Majlis Mengadap yang berlangsung di

Istana Nurul Iman itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland ke NBD dan Singapura, Tuan Yang Terutama Frank Grütter. Juga hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHARAM HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	ISNIN	18	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	SELASA	19	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
16	RABU	20	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
17	KHAMIS	21	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.52	6.38	7.52
18	JUMAAT	22	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
19	SABTU	23	4.42	4.52	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
20	AHAD	24	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 24 °C	33 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 23 °C	33 23 °C	32 23 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	33 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 24 °C	31 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

14 JULAI 2025

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

ESOK 15 Julai 2025 adalah hari Keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun. Keterujaan dapat dilihat dengan pelbagai persiapan yang telah dirancang untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputusan raja yang dikasihi.

Ketaatan rakyat kepada raja dapat dilihat dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah An-Nisa ayat 59:

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu".

Sesungguhnya mentaati raja (ulil amri) itu adalah wajib, manakala menderhaka kepada rajapula hukumnya haram dan berdosa. Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang bijaksana, pengasih dan pemedulian. Kita zahirkan kesyukuran itu dengan menumpahkan kasih dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda.

Seluruh rakyat merakamkan doa kesyukuran Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar sentiasa diberikan kesihatan yang berpanjangan dan kekal karar di atas takhta. Kita sangat bertuah kerana dikurniakan seorang raja yang pemedulian, prihatin serta kasih akan rakyat baginda. Baginda sentiasa ada bersama rakyat ketika rakyat memerlukan sosok seorang pemimpin yang sentiasa memeduli kemaslahatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sikap baginda yang mengambil berat terhadap kebajikan rakyat dapat dilihat ketika berlakunya musibah seperti banjir. Tanpa berasa kekok, baginda sanggup turun padang ke seluruh ceruk rantau menemui rakyat dan sering bercemar duli mengadakan lawatan-lawatan tanpa sebarang protokol. Kerendahan hati baginda sangat dikagumi dan menjadi contoh terbaik bagi seluruh rakyat di negara ini.

Sebagai rakyat di negara ini, kita perlu melihat kepada kemajuan dan pembangunan yang mengubah landskap negara kita menjadi sebuah negara maju. Dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini mampu menongkah arus cabaran globalisasi dan terus berkembang maju untuk mencapai Wawasan Negara 2035 yang menjadi aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Tidak dinafikan lagi raja kita sememangnya telah memiliki kriteria-kriteria sebagai seorang pemimpin Islam yang bertanggungjawab, yang melaksanakan amanah-amanah Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat agar menikmati keamanan, keharmonian dan hidup rukun damai.

Kita juga beruntung kerana raja yang kita kasihi adalah seorang pemimpin yang mengutamakan pelaksanaan Islam dalam apa jua situasi sama ada pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan masyarakat. Berkat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah membawa dan menempatkan Negara Brunei Darussalam di persada yang gilang-gemilang. Negara kita telah dan terus bertambah maju, pembangunan negara terus dipergiatkan di seluruh ceruk rantau dan pelusuk tanah air.

Marilah kita selaku rakyat mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM serta seluruh kerabat diraja sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya serta berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra

Dickie yang akan menamatkan perkhidmatan pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Puan Yang Terutama Ambra Dickie telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 20 Oktober 2022.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie yang akan menamatkan perkhidmatan yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan atas kiri).

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie yang akan menamatkan perkhidmatan. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie (kanan dan kanan sekali).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak rakyat dan penduduk Islam di Negara Brunei Darussalam khususnya untuk sama-sama hadir ke masjid-masjid di seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang

Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79

yang akan diadakan pada petang Isnin, 19 Muharam 1447 Hijrah bersamaan 14 Julai 2025 Masihi.

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, tumpuan bagi acara keagamaan tersebut juga akan diadakan di masjid-masjid di seluruh negara, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, masjid-masjid tumpuan ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan;

Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala, bagi Daerah Belait, masjid tumpuan ialah Masjid

Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Sementara bagi Daerah Tutong, masjid tumpuan ialah di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong; manakala di Daerah Temburong, masjid tumpuan ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Untuk keterangan lanjut, sila layari www.mora.gov.bn.

DPMM FC BERAksi CEMERLANG



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyaksikan Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18).

JERUDONG, Ahad, 13 Julai. - DPMM FC berjaya menewaskan Indera SC, dengan keputusan 5 - 0 pada Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) yang berlangsung



SEBAHAGIAN penonton dan penyokong yang hadir di perlawanan tersebut (atas). Manakala gambar kanan, antara aksi perlawanan yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium.

petang tadi di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, selaku Ketua Pasukan.

Pada babak pertama menyaksikan DPMM FC berada di depan seawal minit ke-8 menerusi Md. Hafiy Hakim Azizan.

Hampir tamat babak pertama perlawanan, DPMM FC terus memanfaatkan masa tambahan yang diberikan dengan menjaringkan gol kedua melalui Md. Harith Aqil Azaman.

Bersambung pada babak kedua pula, DPMM FC terus ligat menguasai permainan sekali gus memberi tekanan kepada Indera SC menerusi sepakan Yunus Poljarevic Emin Poljarevic pada minit ke-48.

Namun selang seminit kemudian, Indera SC sekali lagi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut menyertai Pasukan DPMM FC selaku Ketua Pasukan.

terpaksa akur dengan kekuatan DPMM FC setelah Md. Haikal Ridzwan Md. Aliuddin pula berjaya menambah gol buat pasukannya.

Md. Harith Aqil Azaman sekali lagi berjaya menghadiahkan satu gol buat DPMM FC pada minit

ke-51 sekali gus merubah kedudukan 5 - 0.

Sementara itu, Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 U18 akan diteruskan Rabu ini, 16 Julai 2025 dengan menyaksikan pertemuan antara FC Phosphor menentang Kasuka FC.



JUGA berangkat dan hadir menyaksikan raptai penuh Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara dan Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet (atas). Manakala gambar kanan, sekitar raptai penuh tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Raptai Penuh Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 bagi Tahun 2025 diadakan pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali

Saifuddien, di ibu negara.

Hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 bagi Tahun 2025.

Raptai penuh Istiadat Barisan Kehormatan



Juga berangkat dan hadir ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar;

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Istiadat Barisan Kehormatan akan diadakan pada Selasa, 15 Julai ini bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

TINJAUAN PERSEDIAAN BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Juga hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, tumpuan bagi acara keagamaan ini juga akan diadakan di masjid-masjid seluruh negara iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, masjid-masjid tumpuan ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Sementara itu, di Daerah Belait, masjid tumpuan ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun hadir semasa tinjauan persediaan bagi Majlis Kesyukuran yang akan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan atas kiri).

Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Manakala bagi Daerah Tutong pula masjid tumpuan ialah di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong dan di Daerah Temburong pula, masjid tumpuan ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat.

Seterusnya, bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

KIARONG, Sabtu, 12 Julai. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun akan bermula dengan Majlis Kesyukuran yang akan diadakan pada Isnin, 14 Julai 2025 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Bagi memastikan kelancaran Majlis, Ahli Jawatankuasa Kerja

Acara Keagamaan membuat tinjauan persediaan bagi acara tersebut di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong petang tadi.

Hadir semasa tinjauan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan

Infakkan harta benda, raih keberkatan daripada Allah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyertai Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-190.

Ugama Daerah Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, KHEU, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Sejurus selesai Tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Taffriyyah yang dibawakan oleh peserta-peserta Skim Bimbingan Lanjutan I Mualaf Siri Ke-109 (Lelaki), PDI, KHEU dari Masjid Kampung Sungai Liang.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Kampung Sungai Liang, Awang Mohd. Ikhwani bin Irwandi.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikian antara inti pati Tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Unit Dakwah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, dari Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait bagi menyerikan acara Munajat anjuran KHEU Kali Ke-190

malam tadi.

Malam Munajat kali ini disemarakkan oleh peserta-peserta Skim Bimbingan Lanjutan I Mualaf Siri Ke-109 (Lelaki) PDI dan ahli jawatankuasa takmir serta jemaah dari Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait dan juga beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Turut serta, warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu

secara maya dari kediaman masing-masing.

Juga menyertai Malam Munajat pada kali ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar

dan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Kampung Sungai Liang, Awang Mohammad Hasrin bin Bagol, selaku Penasihat Bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Liang.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Abd. Hanan Rahmani bin Dahlan, dari Masjid Kampung Sungai Liang.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Pegawai

BIBD CONNECTS : MEMUPUK PENGLIBATAN TEMPATAN, AKTIVITI EKONOMI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi BIBD, diiringi oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau semasa meninjau *pop-up market* di majlis tersebut (atas dan bawah).



>> Muka 1

Terletak di Labu Square, kemudahan tersebut mengambil masa kira-kira sembilan bulan untuk disiapkan, dengan kerja-kerja pembinaan bermula pada Oktober 2024. Direka dengan prinsip kemampanan, bangunan ini dilengkapi dengan sistem panel solar berkapasiti 20kW untuk menjana tenaga bagi pencahayaan, serta sistem tadahan air hujan bagi mengurangkan jejak karbon dan mempromosi kecekapan tenaga.

Ciri-ciri hijau tersebut sejajar dengan komitmen BIBD terhadap kemampanan, seperti yang dilihat dalam reka bentuk mesra alam Cawangan Heritage di ibu negara.

BIBD Connects Temburong mempunyai kemudahan serupa di Lambak dan Taman Mahkota Jubli Emas. Hab Temburong berfungsi sebagai ruang komuniti dan platform komersial, menawarkan perkhidmatan perbankan yang boleh diakses bagi menyokong pembangunan perusahaan tempatan.

Kemudahan utama termasuk lima ruang runcit untuk disewa, tiga unit kontena yang diubah suai untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), kemudahan surau dan tandas khas, serta sebuah ATM untuk akses perbankan yang mudah.

Pusat tersebut juga



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran tersebut.

menempatkan ruang serbaguna komuniti yang boleh digunakan untuk *pop-up market*, bengkel, acara sosial, dan fungsi korporat, menyediakan tempat inklusif untuk penglibatan tempatan dan aktiviti ekonomi.

Sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, BIBD Connects Temburong akan menganjurkan siri *pop-up markets* dari 13 hingga 15 Julai 2025, 18 hingga 20 Julai 2025, 25 hingga 27 Julai 2025, dan 1 hingga 3 Ogos 2025, sebagai platform bagi PKS

tempatan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka.

BIBD Connects Temburong mencerminkan visi bank sebagai 'Bruneian at Heart', menyokong pembangunan negara melalui inisiatif yang strategik, inklusif dan mampan inisiatif.

Projek tersebut juga menyumbang kepada aspirasi negara di bawah Wawasan Brunei 2035 dengan mempertingkatkan infrastruktur, merangsang ekonomi tempatan, dan berfungsi sebagai model perkongsian awam-swasta yang memupuk pembangunan jangka panjang merentas semua daerah.

177 pesara Kementerian Pendidikan diraikan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Sabtu, 12 Julai. - Seramai 177 pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang telah bersara diraikan pada Majlis Meraihan Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Pendidikan yang Bersara pada Tahun 2024, petang tadi.

Jumlah tersebut terdiri daripada 42 pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan, 135 tenaga pengajar dan kakitangan yang

bertugas di sekolah - sekolah rendah, menengah, maktab dan institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata kenang-kenangan kepada para penerima (kiri dan kiri sekali).

yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Acara kemudian diteruskan dengan ucapan penghargaan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin yang antara lain menjelaskan bahawa sebagai penjawat awam khususnya dalam bidang pendidikan ia telah memainkan peranan besar dalam sama-sama membentuk masa depan generasi

bangsa.

"Jasa *abiskita* tidak hanya tercatat dalam rekod perkhidmatan, tetapi lebih bermakna dalam ingatan anak-anak bangsa yang menerima bimbingan dan didikan *abiskita*. Alhamdulillah, ramai antara mereka kini meneruskan legasi sebagai pemimpin, profesional dan pendidik," ujarnya.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada mantan Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Dayang Hajah Zarina binti Abu

Adenan@Adenan sebagai wakil pesara bagi majlis tersebut. Acara kemuncak majlis ialah penyampaian sijil dan cenderamata kenang-kenangan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik, Jabatan Peperiksaan dan Bahagian Kaunseling itu merupakan acara tahunan yang diadakan khusus bagi menghargai dan mengenang jasa bakti para pesara selama perkhidmatan mereka.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Pemangku Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan.

MEMACU KEPELBAGAIAN EKONOMI, POTENSI EKSPORT HALAL BRUNEI



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Timbalan Pengerusi Bersama BEDB semasa sesi bergambar ramai di Sesi Pertama the MSME Roundtable Series yang bertemakan 'Unlocking Growth in Brunei's Food Industry' yang berlangsung di Rizqun International Hotel.

membuka kilang komersial pertama mereka dalam beberapa bulan akan datang dan telah mula mengeksport ke Singapura.

"Alhamdulillah, BEDB memainkan peranan penting dalam memperluas akses kami bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

"Kini kami berhasrat untuk terus berkembang, terutamanya dalam menerima pembayaran rentas sempadan dan meneroka kemungkinan untuk mengintegrasikan perniagaan tempatan ke dalam platform e-Dagang antarabangsa," ujar pengasasnya, Awang Shahril bin Haji Osman.

Pasaran Makanan dan Minuman Halal Global dijangka meningkat daripada AS\$803 bilion pada tahun 2022 kepada lebih AS\$1.06 trilion menjelang tahun 2030, didorong oleh permintaan yang semakin meningkat di Asia, Timur Tengah, dan Eropah, menurut laporan Halal Food Market Size, Share & Trends Report, 2023-2030 yang diterbitkan oleh Grand View Research pada Mac 2024.

Sistem Pensijilan Halal Brunei Darussalam yang diiktiraf di peringkat antarabangsa meletakkan negara ini dalam kedudukan yang kompetitif untuk memainkan peranan penting dalam pasaran eksport halal premium.

>> Muka 1

Sesi Roundtable ini menghimpunkan para penggubal dasar utama, pemegang taruh industri dan pemimpin perniagaan untuk bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran sektor dan menyelaraskan usaha dalam memacu pertumbuhan industri makanan tempatan khususnya melalui pembangunan MSME atau Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan memperluaskan eksport halal.

Dalam ucapatama Yang Mulia Dato menyeru kerjasama yang lebih erat antara sektor awam dan swasta bagi memacu sektor makanan sebagai salah satu daripada lima kluster keutamaan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara ini.

"Nilai Sesi Roundtable ini bukan hanya terletak pada perbincangan

tetapi pada tindakan konkrit yang menyusul selepasnya. Ia merupakan platform strategik yang memberikan kejelasan dalam merangka hala tuju kita ke hadapan untuk bersama-sama membangunkan penyelesaian yang seimbang dan praktikal serta memacu inovasi yang memberi manfaat kepada semua dan mengukuhkan ekonomi kita," jelas Yang Mulia Dato.

Para peserta menyatakan penghargaan terhadap Sesi Roundtable yang julung kali diadakan ini sebagai satu platform yang membina untuk dialog yang terbuka dan telus serta mengalu-alukan penganjurannya secara berkala bagi menggalakkan keterlibatan berterusan antara sektor awam dan swasta.

Golongan perniagaan turut berkongsi maklum balas mengenai bidang-bidang utama yang

■ Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

memerlukan sokongan, termasuk penyelarasan prosedur berkaitan perniagaan dengan agensi-agensi kerajaan, kemudahan pengeluaran bersama untuk mengoptimumkan kos, serta pemerolehan dan logistik secara bersama bagi meningkatkan skala ekonomi.

Presiden NCCIBD merangkap Ahli Majlis ASEAN-BAC, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad berkata bahawa dialog ini telah mula membentuk bidang-bidang berpotensi untuk kerjasama.

Berdasarkan latar belakang beliau dalam bidang perkapalan, Awang Haji Abdul Saman mengakui cabaran yang dihadapi oleh PMKS dalam aktiviti pengeksporan, sambil mengetengahkan peluang untuk menjalinkan kerjasama terus dengan syarikat perkapalan serta

penggabungan eksport melalui penghantaran dalam satu kontena.

"Para peserta amat jujur dan telus dalam berkongsi cabaran yang mereka hadapi dan kita mula melihat peluang yang wujud untuk menggabungkan penghantaran atau eksport oleh PMKS bagi membantu mengurangkan kos," jelasnya.

Sementara itu, Rizqussalam iaitu sebuah perniagaan tempatan yang diasaskan pada tahun 2016 dan terkenal dengan pengeluaran sambal Tahai berkongsi perjalanan mereka daripada dapur rumah kepada pembekal kepada pasar raya utama serta mengeksport ke luar negara dengan bantuan daripada BEDB.

Syarikat ini dijangka akan

Memastikan syarikat patuh Cukai Pendapatan Korporat



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil telah

mengadakan Sesi Pemberiagan Cukai Pendapatan Korporat pada Rabu, 9 Julai 2025 yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2,

Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kepada syarikat - syarikat perniagaan mengenai skop percukaian di negara ini di samping untuk



SESI Pemberiagan Cukai Pendapatan Korporat telah diadakan di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir mendengar taklimat tersebut.

meningkatkan kesedaran terhadap obligasi dan tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Dalam taklimat tersebut, pegawai dari Bahagian Hasil telah menjelaskan secara menyeluruh antaranya tentang asas penaksiran cukai, pematuhan untuk pemfailan penyata cukai dan perkiraan cukai,

selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Sesi pemberiagan ini adalah salah satu usaha berterusan MOFE dalam memperkukuhkan lagi tahap pematuhan cukai dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat kepada orang ramai terutama di kalangan pembayar cukai di negara ini.

MPM MENTIRI BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir di Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Keluarga Mukim Mentiri yang diselenggarakan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Mentiri di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhd. Saifullah bin Haji Rosli.

Juga hadir, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri merangkap Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kg. Panchor, Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Julai. - Seramai 45 orang pagi tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena

Sambutan Hari Keluarga Mukim Mentiri yang diselenggarakan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Mentiri di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



Perasmian papan tanda Ketua Kampung



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir bagi menyempurnakan perasmian papan tanda di kediaman Ketua-ketua Kampung berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Majlis Perasmian Papan Tanda Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara diadakan petang tadi bagi empat jawatan Ketua Kampung yang telah diisi secara tetap, bertempat di kediaman masing-masing.

Majlis perasmian tersebut diadakan di kediaman Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Mata-Mata Kawasan 1, Kawasan 2 dan Kawasan 3, Mukim Gadong 'B', Kapten (B) Pengiran Muhammad

Redzuan bin Pengiran Haji Said. Majlis diteruskan pula di kediaman Ketua Kampung Tungku/Katok, Mukim Gadong 'A', Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan.

Seterusnya, majlis berlangsung di kediaman Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B', Awang Haji Mohammad Fazzly bin Haji Suhaili.

Majlis perasmian kemudian diakhiri di kediaman Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Perasmian papan tanda di kediaman Ketua-ketua Kampung berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

TIMBA ILMU, TINGKATKAN KEMAHIRAN DALAM ICT



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar kanan, Pegawai Hal Ehwal Masjid selaku Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan, JHEM, KHEU menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Sabtu, 12 Julai. - Seramai 40 peserta yang terdiri daripada Pegawai - pegawai Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong di bawah Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) telah menamatkan Bengkel ICT: Microsoft Excel yang diadakan selama tiga bulan sejak bulan Mei hingga Julai 2025.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Bahagian Bimbingan dan Latihan, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sehubungan itu, Majlis Penutup Bengkel ICT: Microsoft Excel Bagi Pegawai-Pegawai Masjid Senegara Tahun 2025 Masihi diadakan pagi tadi di Masjid Universiti, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan, JHEM, KHEU.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta dan pembengkel yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bengkel tersebut diadakan antara lain untuk meningkatkan pengetahuan para pegawai masjid mengenai penggunaan Microsoft Excel, di samping melahirkan

pegawai-pegawai masjid yang berilmu dan mahir dalam ICT serta mengimarahkan dan menghidupkan masjid dengan bengkel berunsurkan ilmu pengetahuan bagi meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



Akademi Da'wah 5.0 ketengahkan pendekatan dakwah kontemporari

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Julai. - Program Akademi Da'wah 5.0 terus mencetuskan semangat dengan penganjuran Perlawanan Ambuy-Du'at, iaitu sebuah acara kemuncak yang menggamit penyertaan aktif para peserta dalam suasana yang penuh semangat, kebersamaan dan nilai dakwah.

Perlawanan tersebut bukan sekadar satu bentuk pertandingan tetapi sebuah medan untuk mengasah kepimpinan, memupuk kerja berpasukan dan menzhahirkan daya kreativiti para



peserta dalam menyampaikan mesej Islam secara tersirat dan tersurat.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran jemputan khas, Awang Haji Mohammed Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus atau lebih dikenali sebagai Profesor Rozan Yunus sebagai juri bagi pertandingan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

Sesi tersebut turut memberi peluang kepada Awang Haji Mohammed Rozan untuk menyampaikan kata-kata motivasi dan inspirasi yang membakar semangat serta berkongsi pengalaman kepada para peserta.

Program Ambuy-Du'at tersebut membuktikan bahawa hiburan juga boleh menjadi platform pendidikan rohani dan intelektual, jika dilaksana dengan bijaksana dan berpaksikan nilai-nilai Islam.

Selain itu, ia turut mencerminkan pendekatan holistik Akademi Da'wah dalam melahirkan generasi muda Islam

SEKITAR Perlawanan Ambuy-Du'at yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (kanan dan bawah kiri).

yang bukan sahaja cemerlang dari segi ilmu, malah memiliki akhlak yang tinggi serta kepekaan terhadap keperluan ummah dan masyarakat sekeliling.

Dengan kombinasi pengisian spiritual, intelektual dan sosial, Akademi Da'wah 5.0 sekali lagi membuktikan bahawa pendekatan dakwah kontemporari mampu menyatukan nilai tradisi dengan keperluan semasa, melahirkan para pendakwah yang bersedia memimpin, menyantuni dan memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat.

Program Akademi Da'wah 5.0 : Perlawanan 'Ambuy-Du'at' dikendalikan oleh Badan



Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Aktiviti juga diteruskan dengan sesi istimewa 'Pillow Talk', iaitu sebuah ruang santai tetapi mendalam yang membolehkan para peserta berkongsi

pengalaman, meluahkan pandangan dan mencetuskan pemikiran kritikal mengenai peranan pendakwah masa kini.

Selain itu, ia bukan sekadar sesi berbual tetapi satu bentuk refleksi rohani yang menyentuh hati dan menyemai ukhuwah sejati dalam kalangan peserta.

جانبين كاجي چواچا بروني دالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025
- 2.'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'. Tarikh Tutup : 23 Julai 2025
- 3.'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'. Tarikh Tutup : 30 Julai 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELANCARAN AKTIVITI PEMBUNGKUSAN KONDIMEN KFC



KETUA Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Aktiviti Pembungkusan Kondimen KFC.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

JERUDONG, Sabtu, 12 Julai. - Sekolah Menengah Sayyidina Husain pagi tadi menganjurkan Majlis Pelancaran Aktiviti Pembungkusan Kondimen KFC yang dihadiri oleh Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin

Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis yang kemudian merasmikan aktiviti pembungkusan tersebut.

Juga hadir sama, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayang Nor'izzah binti Haji Othman; Pengurus Sumber Manusia KFC Brunei, Anne Lembayung; dan Pengurus

Perolehan KFC Brunei, Clarice Petrus, serta Timbalan Pengetua Akademik, Timbalan Pengetua Pentadbiran, guru-guru dan para pelajar.

Dalam ucapannya, Ketua Unit Pendidikan Kerjaya menerangkan bahawa Aktiviti Pembungkusan Kondimen KFC merupakan projek kolaborasi antara KFC Brunei dan Jabatan Sekolah - Sekolah,



Kementerian Pendidikan sejak tahun 2014 dan sekolah perintis ialah Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Dua objektif utama projek berkenaan adalah untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang bermakna bagi pelajar dalam Program Pra-Vokasional dan untuk membangunkan kemahiran kebolehpasaran yang diinginkan oleh majikan tempatan serta memenuhi permintaan pekerjaan tempatan.

Terdahulu, guru-guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain telah melawat Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dalam bulan Jun 2025 untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pelaksanaan aktiviti pembungkusan dan amalan terbaik yang diterangkan oleh Guru Homeroom Program

Pra - Vokasional, Awang Muhammad Ruzaimi bin Muhammad Saifullah.

Setakat 2025, empat buah sekolah menengah kerajaan terpilih sedang melaksanakan aktiviti pembungkusan kondimen KFC iaitu Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Sekolah Menengah Sayyidina Husain, dan akan turut menyertai ialah Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja.

Semasa pelancaran tersebut, tetamu kehormat dan para hadirin telah memerhatikan aktiviti pembungkusan yang dilakukan oleh pelajar Program Pra-Vokasional.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati daripada Pengetua Sekolah kepada tetamu kehormat majlis.

Memperkukuh jati diri para pelajar



SERAMAI 40 pelajar dari institusi pendidikan di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyertai Kursus Titik Teroka yang diadakan di Kompleks Sukan Jerudong.



JERUDONG, Sabtu, 12 Julai. - Seramai 40 pelajar dari institusi pendidikan di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara menyertai

ANTARA aktiviti yang diadakan sepanjang kursus tersebut.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kursus Titik Teroka, hari ini.

Kursus tersebut dikendalikan oleh Outward Bound Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bertempat di Kompleks Sukan Jerudong.

Penyertaan kursus ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam, KHEU bertujuan untuk memperkukuh jati diri para pelajar berkenaan di samping mempersiapkan mereka menghadapi fasa kehidupan sebagai mahasiswa dan mahasiswi.

Antara elemen yang ditekankan dalam kursus tersebut termasuklah kemahiran hidup, keyakinan diri, kepimpinan, pengukuhan akidah dan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja.

Program seumpama ini diyakini mampu melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, bahkan teguh dari segi sahsiah dan kerohanian, seterusnya menjadi generasi berbilang yang dapat menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa dan negara.

KONVOI NISSAN TERRA 79 RAIKAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN



SESI bergambar ramai pada Konvoi Nissan Terra 79 yang diadakan di Nissan Beribi Showroom.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Julai. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025, Boustead Sdn. Bhd. iaitu pengedar tunggal kenderaan Nissan di Negara Brunei

Darussalam, pagi tadi menganjurkan Konvoi Nissan Terra 79.

Acara tersebut merupakan simbolik kekuatan, perpaduan dan semangat kebangsaan.

Sebanyak 79 buah kenderaan Nissan Terra telah mengambil bahagian dalam konvoi khas itu, bermula dari Nissan Beribi

Showroom, singgah di Jerudong Park (JP) Amphitheatre, dan berakhir dengan jamuan makan tengah hari di Restoran Seaworld Neptune di Kampung Jerudong.

Pelepasan bagi acara tersebut telah disempurnakan oleh Eksekutif Cawangan Kuala Belait, Nissan Brunei, Shirley Chan.

Terlebih dahulu, Pengurus Jualan Nissan Brunei, Awang Haji Shahrum bin Haji Jaafar dalam ucapan alu-aluannya antara lain

mengongsikan Nissan Terra bukan sekadar kenderaan yang berkuasa tetapi ia melambangkan ketahanan, kekuatan dan semangat pengembaraan.

Konvoi ini katanya, adalah satu penghormatan mereka kepada pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang penuh gemilang, dan cara mereka menyatakan penghargaan atas khidmat baginda yang tidak berbelah bahagi kepada rakyat Brunei.

Acara turut mendapat sokongan padu daripada Kelab

Nissan Terra Brunei, yang secara aktif menghimpunkan pemilik Terra dari seluruh negara, mempamerkan semangat kekeluargaan dan perpaduan dalam komuniti Nissan.

Konvoi Nissan Terra 79 merupakan satu acara bermakna dan penuh kenangan bagi semua yang terlibat, sebagai satu tanda kesetiaan kepada negara dan penghargaan kepada kepimpinan raja yang dikasihi.

Boustead Sdn. Bhd. turut merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua peserta, rakan kongsi dan penyokong yang menjayakan acara ini dengan jayanya.

Berhati-hati, waspada dengan aktiviti kutipan yang meragukan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menerima aduan daripada orang ramai melalui Talian Kebajikan 141 mengenai seorang individu lelaki yang telah mengutip derma menggunakan nama Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 dan mengaku sebagai petugas jabatan ini serta memaklumkan beliau telah diarahkan untuk mengutip derma kepada orang ramai adalah sama sekali tidak benar.

JAPEM ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jabatan ini tidak berkaitan dengan individu tersebut dan juga tidak pernah mengarahkan mana-mana individu atau agensi menjalankan aktiviti kutipan berkenaan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk berhati-hati, tidak mudah terpedaya dan mempercayai aktiviti kutipan yang meragukan tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mengongsikan butiran peribadi atau menyerahkan derma kepada pihak tertentu yang belum dipastikan kesahihannya.

JAPEM sangat memandang serius terhadap isu penyamaran ini dan turut mengingatkan orang ramai bahawa perbuatan menyebarkan maklumat tidak sah, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat

kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun atau denda sebanyak BND3,000 atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada JAPEM selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan

aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Talian Kebajikan 141 yang beroperasi 24 jam jika ingin melaporkan sebarang isu-isu yang melibatkan kebajikan dan kemaslahatan orang ramai.

Platform rasmi ini adalah untuk memastikan maklumat dan isu yang diadukan akan diambil tindakan dengan segera dan berkesan, serta mengelakkan daripada penyebaran berita-berita palsu dan berita-berita tular yang mungkin dapat mengganggu ketenteraman awam dan juga disalah guna.

NAMA NAMA SYARIKAT DAN ORANG PERSEORANGAN YANG MENYUMBANG DERMA KEPADA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN GAZA 2025				
NAMA SYARIKAT/ PERSEORANGAN	NO. HP	ALAMAT	JUMLAH DERMA	TANDA TANGAN
			4500	9/6/25
			1000	10/6/25
			3500	15/6/25
			500	15/6/25
			2000	15/6/25
			1000	15/6/25
			2000	15/6/25
			500	15/6/25

JABATAN Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jabatan ini tidak berkaitan dengan individu tersebut dan juga tidak pernah mengarahkan mana-mana individu atau agensi menjalankan aktiviti kutipan berkenaan.

Bantu tingkatkan stok bekalan darah negara

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 14 Julai 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Tingkat Satu, Annajat Complex, Kg. Beribi
Rabu 16 Julai 2025 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.00 petang hingga 3.00 petang	Ruang An-Najaah, Pusat Pekerjaan Brunei Jalan Perindustrian Kg. Beribi
Khamis 17 Julai 2025 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Darussalam Pilotage Services Sdn Bhd, Unit B7, Tingkat Satu, Bangunan T.S. Kim, Jalan Serasa, Kg. Sabun
Sabtu 19 Julai 2025 10.00 pagi hingga 2.30 petang	Tingkat Satu, OneCity Shopping Centre Anjuran Boeffi International

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa buah tempat yang telah ditetapkan.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Isnin, 14 Julai 2025 bertempat Tingkat 1, Annajat Complex, Kampung Beribi, bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Sementara itu, pada Rabu, 16 Julai 2025 bertempat di ruang An-Najaah, Pusat Pekerjaan Brunei Jalan Perindustrian Kampung Beribi bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pada pukul 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Pada Khamis, 17 Julai 2025 bertempat di Darussalam Pilotage Services Sdn. Bhd., Unit B7, Tingkat 1, Bangunan T.S. Kim, Jalan Serasa, Kampung Sabun bermula pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang dan pada Sabtu, 19 Julai 2025 bertempat di Tingkat 1, OneCity Shopping Centre anjuran Boeffi International bermula pukul 10.00 pagi hingga 2.30 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 hingga 4.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

سردار سري

درکهای راج کیت

جماعه یغ درحمتی الله،

برتقوی له کیت کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ دغن منیشتکن کلیمان کفدن. سسوغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله سُبحانه و تعالیٰ ایت ایاله اورغ یغ فالیغ برتقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغتی الله سُبحانه و تعالیٰ، براوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخیره.

جماعه یغ درحمتی الله،

الحمد لله، کیت برشکور کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ کران دغن لیمقه رحمتن، کیت سلاکو رعیت دان فندودوق یغ برناوغ دپومی دارالسلام یغ برتواه این دافت منعمتی سواسان کهیدوقن یغ امان، دامای دان سجهزا. اولیه ایت، کیت هندقله سام-سام سنتیاس منجاک نعمت کامانن، نعمت کدایمین دان نعمت کسجهزان این دغن سبایک-بایکن.

جاغله کیت لوفاً بهاوا سموا نعمت این اداله ساتو اوجین دان دوکان درقد الله سُبحانه و تعالیٰ یغ برتوجوان اونتوق مغاوجی سجاوه مان کتکوهن دان کقواتن ایمان همیا-همیان. ادکه مریک ایت سماکین بریمان، سماکین برتقوی دان لیبه مندکنن دیری کفد الله سُبحانه و تعالیٰ اتاوقون سبایقن.

الله سُبحانه و تعالیٰ تله منرغکن ددالم کتاب سوچی القرآن بهاوا کوئچی اونتوق مغکلکن نعمت-نعمت ترسبوت اداله دغن منظاهیرکن راس شکور کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ اتس سکل نعمت یغ تله دکورنیاکنن. الله سُبحانه و تعالیٰ برفرمان دالم سورة ابراهیم آیه ۷:

تفسیرن:

دان (ایثله) کنیک توهن کامو ممریثاهو (دغن سجلس-جلسن): "دمی سسوغکوهن جک کامو برشکور (ترهادف سکل نعمتکو) تننو اکو اکن منمبه نعمت ایت کفد کامو دان دمی سسوغکوهن جک کامو کوفور (ترهادف نعمت ایت) مک سسوغکوهن عذابکو ساعت کراس".

جماعه یغ درحمتی الله،

الحمد لله، سبایکیمان یغ کیت سدیا معلوم، ۱۵ هاریبولن جولی تاهون این کتقله ۷۹ تاهون اوسیا راج دان اولی الامر یغ کیت کاسیپی دان

جماعه یغ درحمتی الله،

سشنج قمریتنه یکنیدا یزیت سحج دری تاهون ۱۹۶۷ سهیغ کهار ی این، قلیاکای اوسها تله داوغکایه دان دلقسناکن اولیه کراجان یکنیدا باکی ممدولی دان مغلیغا حال إحول رعیت دان فندودوق دنکارا این.

سسوغکوهن کقیمقین دان کفریادین یکنیدا یغ سنتیاس ممدولی دان ساعت مغمبیل برت ایت منجرمینکن بتاف یکنیدا ساعت منیتقیرتکن حال إحول کبایقین رعیت جلتان. این تربوقی بردامسکن کفد صفة یکنیدا یغ سنتیاس ممیوات لاوتن-لاوتن تیدق برجدوال اتاوقون سجارا راسمی ککامقوغ-کامقوغ، دائره-دائره، جابین-جابین دان کمنترین-کمنترین باکی مغتهوی فرمسلهن یغ دهادی اولیه رعیت دان فندودوق یکنیدا. سسوغکوهن صفة یغ اد قد یکنیدا ایت مروفاکن جونتوه کقیمقین یغ فانوت دتلادانی اونتوق سام-سام منجانکن امانه یغ تله دفرتکوغجوابکن.

جماعه یغ درحمتی الله،

برسمقنا دتیق برسجاره، اولغناهن هاری کفوتران راج یغ کیت کاسیپی، دان سبایکای تندا شکور دان طاعة ستیا کیت یغ تیدق بربله بهاکی کفد راج کیت، سام-سامله کیت منجاکتن دعاء کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ سموک یکنیدا دکورنیاکن کصیحتن، کعافیتن دان دلنجوتکن اوسیا، براولیه عنایه دان رحمة الله سُبحانه و تعالیٰ سرتا ککل قرار ممریتنه بومی برتواه برونی دارالسلام این. آمین یا رب العالمین.

تفسیرن:

دان توهن کامو برفرمان: "بردعاه له کفد کو نسجای اکو فرکنکن دعاء کامو. سسوغکوهن اورغ-اورغ یغ میومبوغکن دیری درقد برعبادت کفد کو، اکن ماسوق نراک جهنم دالم کادان هینا". {سوره غافر آیه: ۶۰}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا لَوْتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الْتَائِبِينَ.

سانجوغی، یزیت کباوه دولی یغ مها ملیا فادک سري یکنیدا سلطان حاج حسن البلقیة معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان یغ دفرتوان نکارا برونی دارالسلام. ستیاف تاهون تاریخ این اکن دسمبوت دغن فنوه راس کشکورن اولیه سلوروه لافین رعیت دان فندودوق نکارا این.

دغن إذن الله سُبحانه و تعالیٰ جوا دان دباوه قایوغ کقیمقین راج کیت، یغ عادل لاکي ییجقسان، قلیاکای کجمرلغن دان کماجوان نکارا تله دافت دجاقای دان برجای دلاکرکن ساتو فرساتو.

سشنج لیبه لیما دیکد یکنیدا ممریتنه نکارا، یکنیدا سجارا تروس منروس منایقکن دان منیشتکن لاکي کماجوان یغ تله درینتیس اولیه فدوک ایهندا یکنیدا دالم اوسها-اوسها مباعون دان مباحون نکارا دغن برترسکن نیلای-نیلای اسلام یغ تیغکی سام اد دالم بیدغ سوسیو فولیتیک، سوسیو ایکونومی، کاکامان، کصیحتن، قندییقن، هوپوغن انتارایغسا دان ساومقامان.

یکنیدا جوک مروفاکن ساورغ راج دان قمیمقین یغ برواوسن جاوه. یقین یکنیدا اونتوق قباغونن نکارا یغ برتروسن دان کسجهزان رعیت یغ سنتیاس ترجمین تله دظاهیرکن دالم واوسن ۲۰۳۵.

سموا این اداله ساتو کبراونوغن باکی رعیت دان فندودوق دنکارا این، اقبیل ساورغ راج سنتیاس میکیکن حال إحول کبایقین رعیت دان فندودوقن. جوسزو، سبایکای رعیت دان فندودوق یغ برناوغ دپومی دارالسلام این، مک اداله منجادی تغکوغجواب کیت اونتوق سنتیاس طاعة دان فاتوه کفد راج اتاوقون قمیمقین کیت. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبدا: مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَا اللَّهَ وَمَنْ أَطَاعَ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ عَصَا الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي. مقصودن:

بارغسیاف طاعة کفد کو، مک دی تله طاعة کفد الله. بارغسیاف تیدق طاعة کفد کو، مک دی تیدق طاعة کفد الله. بارغسیاف طاعة کفد قمیمقین، مک دی تله طاعة کفد کو. بارغسیاف تیدق طاعة کفد قمیمقین، مک دی تیدق طاعة کفد کو. {حدیث روایة إمام بخاری}



پلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

KELUARAN ISNIN,

14 JULAI 2025, 18 MUHARAM 1447

دولت کبار وکلی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



Keluaran
Khas

Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Ke-
79
TAHUN



Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn



Lahirkan modal insan berkemahiran, berpendidikan tinggi

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Jabatan Penerangan

KEPENTINGAN pendidikan sebagai tonggak kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat sangat dititikberatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam titah baginda, sering kali menekankan bahawa pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan pelaburan jangka panjang yang membawa manfaat besar kepada pembangunan insan dan ekonomi negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan pendidikan percuma dari peringkat rendah hingga ke universiti serta pelbagai biasiswa dan bantuan kewangan. Perkara ini mencerminkan visi baginda dalam memastikan bahawa setiap rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai peluang yang adil untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya tanpa halangan kewangan.

Sejak dahulu lagi, beberapa dasar pendidikan utama telah dilaksanakan, yang mencerminkan aspirasi negara untuk membangunkan modal insan yang berilmu, berakhlak dan bersedia menghadapi cabaran global. Sementara dalam Wawasan Brunei 2035, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting sebagai asas kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Perkara ini turut digariskan sebagai salah satu daripada tiga matlamat utama wawasan tersebut.

Matlamat pendidikan menumpukan kepada melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Bagi mencapai hasrat Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menjadi sebuah negara yang maju, ia bergantung kepada asetnya yang paling berharga iaitu rakyat negara. Sumber tenaga manusia di negara ini hendaklah mampu menyumbang kepada pembangunan negara di samping berpegang kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Bagi memastikan kejayaan ini, negara beraspirasi untuk mencapai satu sistem pendidikan kelas pertama yang holistik, dengan fokus kepada memastikan pelajar-pelajar di semua peringkat dilengkapi dengan ilmu pengetahuan

dan kemahiran Abad Ke-21. Ini termasuk peringkat rendah, menengah, teknikal, vokasional serta pengajian tinggi.

Sehubungan itu, dalam menegaskan komitmen Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memperkukuhkan pendidikan awal sebagai asas penting dalam pembangunan modal insan di NBD. Berikut ialah petikan titah Kebawah DYMM sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023, yang berkait langsung dengan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 :

"Beta sukacita memperkenankan bagi pindaan ke atas Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, yang berkaitan dengan umur wajib kanak-kanak bersekolah di negara ini iaitu dari 6 tahun kepada 5 tahun, untuk mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aspek utama dalam membina asas keupayaan kognitif, aspek sosial dan emosi kanak-kanak".

Pindaan ini mewajibkan kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun untuk bersekolah, khususnya yang terdiri daripada warga NBD dan yang bermastautin di negara ini.

Langkah ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkukuh pendidikan awal kanak-kanak selain menjamin akses pendidikan berkualiti sejak usia muda. Apa yang penting, ia adalah bagi menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Dalam era Revolusi Industri 4.0, pendidikan STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik) menjadi tunjang penting dalam membentuk generasi yang bukan sahaja celik teknologi, bahkan juga kreatif, beretika dan bersedia dalam menghadapi cabaran global. NBD tidak terkecuali dalam usaha ini, dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi.

Peranan ini juga turut diperkukuh dengan sokongan dan iltizam berterusan Kebawah DYMM. Sepertimana titah baginda semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa seperti berikut :

"Bagi mengukuhkan lagi kemahiran ini, maka beta juga telah memperkenankan bagi mata pelajaran Teknologi, Kejuruteraan dan Seni dalam komponen STEAM dijadikan sebagai salah satu mata

pelajaran pilihan teras".

Berdasarkan titah tersebut menunjukkan komitmen tinggi baginda dalam memperkasa pendidikan yang relevan dan berorientasikan masa depan selaras dengan keperluan mengikut perubahan dan perkembangan semasa.

Pendidikan STEAM ini juga merupakan satu pendekatan penting dalam membentuk pelajar kreatif, berfikir kritis, dan bersedia menghadapi cabaran dunia moden. Hal ini kerana ia menggabungkan logik dan kreativiti, yang membolehkan pelajar melihat hubungan antara pelbagai disiplin dan menyelesaikan masalah dari pelbagai sudut. Apa yang penting pendidikan STEAM juga memberikan ruang kepada pelajar untuk mengekspresikan diri, mencipta dan berinovasi, yang mana semua ini adalah kemahiran penting dalam dunia yang serba mencabar.

Sementara salah satu lagi usaha Kerajaan Kebawah DYMM bagi memastikan pelajar di NBD ini seimbang dari segi rohani, intelek dan sosial adalah dengan pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem pendidikan umum, yang selaras dengan falsafah MIB dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Mengenai bidang pendidikan juga, beta melihat supaya Skim Pendidikan Biasa dan Agama dapat bersatu di bawah pengurusan yang sama supaya tenaga para pendidik dapat diintegrasikan dalam waktu persekolahan, iaitu bagi memenuhi maslahat dan kemudahan para ibu bapa dan penjaga ketika menghantar dan mengambil anak-anak sekolah," titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD kali Ke-39, Tahun 2023.

Berdasarkan titah baginda tersebut, pengintegrasian bukan sekadar perubahan struktur tetapi satu usaha strategik untuk mengurangkan beban pelajar, meningkatkan keseimbangan hidup dan memastikan pendidikan agama terus relevan dan berkualiti dalam sistem pendidikan arus perdana.

Melalui pengintegrasian ini, mata-mata pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah agama akan diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah antarabangsa. Ia melibatkan pelajar Pra hingga Darjah 3 agama.

Antara objektif pengintegrasian ini adalah untuk mengurangkan beban pelajar dengan menyatukan sesi pembelajaran. Selain itu, bagi meningkatkan keseimbangan hidup (*work-life balance*) dan kesihatan mental (*mental health*) pelajar. Pengintegrasian ini juga bagi menjamin kualiti pendidikan agama setara dengan sekolah agama sedia ada. Di samping memudahkan ibu bapa dan penjaga dari segi logistik dan masa. Selain untuk meningkatkan lagi efisiensi pembelajaran, di mana waktu persekolahan yang berkurang akan memberi ruang kepada guru dan pelajar untuk memberi tumpuan kepada pembelajaran yang lebih berkualiti.

Setiap perkembangan dalam pendidikan di NBD ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Kebawah DYMM agar melengkapkan rakyat dan penduduk di negara ini dengan pelbagai kemahiran yang bukan sekadar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik bahkan untuk membentuk mereka agar bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan negara.





Raja pemedulia, memperkasa kesihatan rakyat

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam cukup dikenali sebagai raja pemedulia.

Sebagai seorang raja yang mempunyai hubungan istimewa dengan rakyat, baginda mempunyai sifat yang dekat dan mesra dengan rakyat. Ini dapat kita saksikan di mana-mana sahaja dalam perjumpaan atau majlis bersama rakyat, baginda akan berkenan turun padang untuk melihat dan mendengar sendiri permasalahan yang dihadapi rakyat. Keperibadian baginda ini jelas memperlihatkan baginda seorang raja yang bukan sahaja berjiwa rakyat, malah sifat prihatin yang dimiliki baginda telah mampu membuat rakyat menyanjung baginda sebagai seorang pemimpin yang penyayang, bijaksana dan juga adil dalam mentadbir negara.

Alhamdulillah, dengan berkat daulat, kepimpinan bijaksana dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berwawasan lagi berpandangan jauh ke hadapan serta dengan wujudnya strategi-strategi kesihatan negara, kita telah dapat memenuhi sasaran MDGs atau Millennium Development Goals yang mana adalah satu inisiatif Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations). Ini juga selanjutnya akan menambah baik dan mempertingkatkan pencapaian negara ke arah Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals) terhadap kesihatan yang bertepatan 'Memastikan Kehidupan Yang Sihat dan Mempromosikan Kesejahteraan Bagi Semua Peringkat Umur' (Ensure Healthy Lives and Promote Well-Being For All at All Ages).

Perkhidmatan kesihatan yang berkualiti

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan hampir percuma kepada semua warganegara dan ini termasuk perkhidmatan hospital, klinik kesihatan dan pusat rawatan yang moden dan dilengkapi dengan teknologi terkini.

Salah satu kemajuan yang dapat dilihat dan dinikmati oleh rakyat ialah bidang kesihatan, di mana pelbagai inisiatif telah diambil untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuk pengubahsuaian dan

penaiktaraan infrastruktur seperti pengubahsuaian dan penaiktaraan dua buah bilik bedah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) khusus bagi pembedahan mata, ortopedik dan *neurosurgery*. Selain itu, tambahan blok baharu di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring yang telah digunakan sepenuhnya di mana blok baharu itu menempatkan kemudahan-kemudahan bagi Perkhidmatan Kesihatan Asasi dan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak.

Kerajaan Kebawah DYMM melalui Kementerian Kesihatan juga melakukan pengubahsuaian kemudahan *phlebotomy* atau Perkhidmatan Pengambilan Darah di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait khusus bagi memperbaiki *accessibility* dan memenuhi keperluan golongan tertentu seperti warga emas dan Orang Kelainan Upaya.

Kemudahan kesihatan dan sistem perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh kerajaan baginda terutama bagi golongan warga emas yang sentiasa dipantau, selain ubat-ubatan turut diberikan secara percuma kepada mereka.

Selain itu, sebanyak 30 buah ambulans bagi menampung keperluan kecemasan dan penghantaran pesakit juga ditambah pada bulan Disember 2023. Di samping itu, sebanyak lima buah jenis Pacuan Empat Roda telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan pada Mei 2024.

Beberapa ujian makmal yang baharu telah diperkenalkan di samping penaiktaraan beberapa jenis mesin radiologi dan makmal yang lebih canggih dan terkini, termasuk mesin Magnetic Resonance Imaging (MRI) dan Computed Tomography (CT) Scan di Hospital RIPAS dan mesin-mesin di makmal-makmal hematologi, biokimia, imunologi, Pusat Pendermaan Darah dan sebagainya. Kedua-dua mesin MRI dan CT Scan yang baharu itu menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) di mana proses kerja dilakukan secara automatik dan

menjadikan imbasan (*scanning*) lebih konsisten, lebih mudah dihasilkan semula (*reproducible*) dan lebih cepat.

Kesihatan mental yang baik adalah sesuatu aset yang berharga untuk individu, keluarga dan masyarakat secara amnya dalam menuju ke arah Wawasan Brunei 2035 dan perlu dipupuk dalam semua lapisan masyarakat. Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai kesihatan mental selalu diutamakan. Harapan baginda untuk melihat rakyat di negara ini mendapat bantuan dan sokongan jelas dizahirkan dalam titah baginda pada Majlis Ilmu 2024.

"Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD), ikhtiar menangani gejala mental telah dan sedang dilaksanakan. Antaranya kerajaan beta telah meningkatkan jumlah pegawai psikologi dan menambahkan masa perkhidmatan Talian Harapan 145 iaitu talian bantuan dan sokongan kesihatan mental kepada 24 jam setiap hari.

"Adalah menjadi harapan beta, usaha-usaha bersepadu daripada pihak kesihatan dan pihak ugama akan diteruskan untuk sama-sama menangani isu-isu kesihatan mental".

Pelbagai inisiatif untuk rakyat

Inisiatif Kejohanan BN on The Move 2024 yang dikenalkan melalui aplikasi BruHealth mempunyai beberapa ciri baharu, termasuk cabaran langkah komuniti, cabaran korporat dan juga sistem mata insentif yang dikenali sebagai BruPoints, yang mana ia bertujuan untuk meningkatkan tahap kegiatan fizikal masyarakat dengan meningkatkan jumlah langkah setiap hari. Melakukan senaman secara kerap seperti berjalan kaki setiap hari dapat membantu meningkatkan kesihatan jantung, kualiti tidur serta kesihatan mental yang baik, sekali gus mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.

Di samping itu, inisiatif Health Index and Risk Assessment juga telah diperkenalkan, yang mana ia bertujuan untuk menggalakkan orang ramai untuk menilai status kesihatan masing-masing dan menjalani saringan kesihatan bagi pengesanan awal faktor risiko tingkah laku dan penyakit-penyakit tidak berjangkit termasuklah penyakit kardiovaskular.

Pengesanan awal melalui saringan ini membolehkan rawatan awal penyakit kardiovaskular serta pencegahan komplikasi yang

berkaitan.

Melihat perkembangan kesihatan yang terus berkembang maju, jelas menunjukkan di bawah kepimpinan baginda sultan, kemajuan dalam sistem kesihatan bukan sahaja dapat dilihat melalui kemudahan dan peralatan teknologi yang canggih, malah adanya peningkatan jumlah dan kemahiran warga kerja kesihatan dan peningkatan kualiti dan perkembangan skop perkhidmatan. Pelbagai perkhidmatan kepakaran telah dapat disediakan di dalam negara, seperti rawatan penyakit jantung dan rawatan kemoterapi bagi pesakit yang menghidap penyakit kanser telah dapat dijalankan di negara ini. Jika dahulunya pesakit perlu dihantar ke luar negara tetapi kini rawatannya telah dapat diperoleh di dalam negara. Kemajuan ini telah banyak memberi kemudahan kepada rakyat di negara ini dari skop rawatan kesihatan.

Sikap pemedulia yang disanjung

Sikap pemedulia Kebawah DYMM terhadap kesihatan rakyat baginda tidak dinafikan yang bukan hanya tertumpu dalam perkhidmatan tertentu sahaja tetapi secara menyeluruh. Antaranya ialah pemerkasaan perkhidmatan kejururawatan melalui *nurse-led services* yang dikendalikan oleh jururawat terlatih seperti bagi Program Penyaringan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme), Klinik Berhenti Merokok, Klinik Ujian Kanser Serviks (Pap Test), Klinik Diabetic Nurse Educator serta Perkhidmatan Home-Based Nursing. Langkah ini bukan sahaja memperluas akses tetapi juga meningkatkan kesinambungan penjagaan kesihatan dan mempercepat intervensi atau rawatan awal penyakit.

Selain itu, terdapat juga empat buah klinik kesihatan berasingan khusus bagi penjagaan kesihatan ibu dan anak serta Perkhidmatan Perubatan Udara bagi kawasan-kawasan tadahan yang memerlukan. Penyediaan fasiliti di tempat-tempat strategik ini telah membolehkan perkhidmatan yang disediakan dapat diakses oleh hampir semua rakyat dan penduduk di negara ini termasuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

Justeru, kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini perlu menghargai serta menyambut baik sebarang perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Kebawah DYMM melalui Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan lagi tahap kesihatan rakyat di negara ini.

Kesimpulan

Sejajar dengan komitmen Kerajaan Kebawah DYMM dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, inklusif, dan mampu diakses oleh semua lapisan masyarakat maka tidak hairanlah seluruh rakyat di negara ini menyanjung tinggi dan kasih kepada baginda kerana sikap pemedulia baginda dalam memperkasa kesihatan rakyat baginda.





Sistem pengangkutan, komunikasi cekap tulang belakang kemajuan negara

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Jabatan Penerangan

Pendahuluan

SISTEM pengangkutan dan komunikasi yang cekap adalah penting untuk pembangunan sesebuah negara. Ia berfungsi sebagai tulang belakang kemajuan yang merentasi dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pautan pengangkutan fizikal dan digital yang cekap menghubungkan seluruh negara dari dalam dan luar, meningkatkan perpaduan nasional dan kerjasama antarabangsa.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) sangat menitikberatkan perkembangan sektor pengangkutan dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan telah banyak melaksanakan usaha-usaha ke arah menaik taraf sistem pengangkutan dan komunikasi. Sejak beberapa dekad yang lalu penambahbaikan infrastruktur berkaitan pengangkutan dan komunikasi dapat dilihat mengalami perubahan yang sangat ketara.

Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk memanfaatkan transformasi digital dan ketersambungan untuk mewujudkan ekosistem di mana pengangkutan dan komunikasi maklumat memperkasakan rakyat, perniagaan dan kerajaan juga melalui inovasi, kecekapan, keselamatan, dan akhirnya, meningkatkan daya saing dan kualiti hidup negara. Visi MTIC ialah untuk menjadikan NBD, Negara Pintar Terhubung. Justeru itu, kementerian ini memainkan peranan utama dalam menerajui serta memajukan agenda digital dan pengangkutan negara di peringkat kebangsaan. Tujuan agenda digital dan pengangkutan kebangsaan, antara lain-lain ialah untuk meraih faedah atau kebaikan perkembangan teknologi pesat

untuk meningkatkan taraf hidup rakyat serta memudah cara perniagaan untuk pembangunan negara.

Perkembangan sistem pengangkutan

Adalah menjadi hasrat MTIC untuk meningkatkan dan juga memantapkan sektor pengangkutan. Hasrat ini adalah tanda kepentingan sektor pengangkutan kepada pembangunan negara sebagai salah satu pemacu utama dalam menjana hasil pendapatan negara. Selain itu, sektor pengangkutan juga memainkan peranan dalam memudah cara pergerakan serta mendukung pelbagai aktiviti-aktiviti perekonomian dan turut juga menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pada Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan sepertimana yang dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada mesyuarat tersebut, sumbangan sektor pengangkutan udara kepada KDNK pada tahun 2024 telah mencatat peningkatan sebanyak 18.9 peratus dan pengangkutan air sebanyak 7.7 peratus. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menambah peningkatan ini antara lain-lain disumbang oleh sektor penerbangan yang beransur pulih dan sektor perkapalan yang semakin berkembang selari dengan pertumbuhan sektor hiliran dan pengeksportan produk-produknya. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa pihak kerajaan melalui MTIC, Kementerian Kewangan dan melihat penting akan sektor pengangkutan diperkembangkan lagi.

Dari segi pengangkutan darat, usaha-usaha yang sedang giat

dilaksanakan antara lain adalah sistem pengangkutan awam di mana MTIC melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) sedang giat mengusahakan penyediaan Sistem Pengangkutan Awam yang dihasratkan selamat, efisien, berjadual dan selesa kepada para pengguna. Tumpuan pelaksanaan sistem ini ialah kepada tiga perkara. Yang pertama ialah meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan bas utama; kedua, penambahbaikan dan peningkatan liputan teksis dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan (*e-hailing*); dan ketiga, memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian Sistem Pengurusan Pengangkutan Pintar (STS). Usaha-usaha ini bukan sahaja melibatkan perjalanan *intra-district* dan *inter-district* iaitu merangkumi ke semua daerah tetapi akan melibatkan juga perjalanan rentas sempadan. Mengenai kerjasama pengangkutan rentas sempadan, ini ialah melalui inisiatif BIMP-EAGA dan juga ASEAN iaitu di bawah rangkaian lebuh raya ASEAN Highway Network yang melibatkan peta laluan yang dipanggil AH150 bagi menghubungkan NBD dengan negara jiran Malaysia.

Mendorong transformasi digital

Rangkaian 5G ialah teknologi rangkaian selular generasi kelima, yang menawarkan kelebihan ketara seperti

lebar jalur yang luas, kapasiti rangkaian yang dipertingkatkan, kependaman ultra rendah, ketersediaan yang lebih baik dan kebolehpercayaan yang lebih besar. Pada bulan Jun 2023, NBD menyaksikan pelancaran perkhidmatan mudah alih yang membolehkan peranti berkemampuan 5G mengakses internet berkelajuan ultra tinggi. Ini bermakna perkhidmatan orang ramai boleh menikmati perkhidmatan sel dan WiFi yang lebih laju yang mampu melaksanakan penghantaran data pada kelajuan 300MB sesaat, berbanding 20MB hingga 80MB sesaat pada rangkaian 4G. Pengenalan perkhidmatan 5G mempunyai implikasi yang meluas untuk perniagaan dan teknologi pengguna, membawa lebih banyak aplikasi berkaitan *Internet of Things* (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI).

Pengenalan perkhidmatan 5G membuka dunia penuh potensi dan peluang untuk mempertingkatkan pendigitalan dalam kalangan semua, di mana individu, perniagaan dan komuniti sama-sama boleh memanfaatkan kelebihan teknologi 5G. Ini adalah sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Sektor Telekomunikasi ke arah membolehkan sambungan digital di seluruh negara untuk meluaskan lagi liputan rangkaian telekomunikasi kepada kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang digital, mewujudkan akses yang lebih saksama kepada perkhidmatan penting dan meningkatkan peluang ekonomi untuk semua rakyat.





Kesejahteraan rakyat tunjang kemakmuran negara

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

15 Julai merupakan tarikh yang bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) kerana pada tarikh itulah raja dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan. Setiap tahun, seluruh lapisan masyarakat di negara ini tidak ketinggalan meraikan hari keputeraan baginda dengan pelbagai acara keagamaan dan keraian yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di negara ini.

NBD adalah bumi bertuah dikurniakan seorang raja yang berjiwa rakyat, sangat pemedulian dan murah hati terhadap rakyatnya yang tercinta, merupakan seorang raja yang sentiasa mementingkan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya secara keseluruhan.

Kita selaku rakyat baginda sangat bersyukur memiliki seorang raja yang sangat bijaksana dan kepimpinan wibawa baginda meneraju negara sehingga masyhur di seluruh dunia.

Kasih dan kemurahan hati baginda terhadap rakyat dapat dinikmati seluruh lapisan masyarakat dengan mengutamakan kesejahteraan melalui pendidikan, kesihatan, kebajikan rakyat berpayung di bumi Brunei yang aman makmur di bawah kepimpinan baginda yang bijaksana.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab sangat komited dan memberikan keutamaan kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ini terbukti dengan pelaksanaan Skim Persaraan

Kebangsaan (SPK) di mana pada 15 Julai 2023, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan bagi pelaksanaan SPK untuk menggantikan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP).

SPK ini bukan sahaja bertujuan untuk mengukuhkan kesejahteraan para ahli semasa persaraan nanti, malah skim ini juga akan memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik.

SPK menjanjikan jaminan lebih kukuh di mana para pesara akan menikmati pendapatan bulanan yang lebih baik dan malah akan menerimanya untuk 'sepanjang hayat', dalam makna SPK tidak diragukan lagi adalah sama atau seakan-akan sama sahaja manfaatnya dengan skim berpacen. Inilah kelebihan SPK.

Sementara itu, Kerajaan Kebawah DYMM melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memberikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana seperti kebakaran rumah dan rumah roboh.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Setiap tahun, sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri, Kebawah DYMM telah berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda kepada para penerima di seluruh negara

daripada golongan-golongan tertentu terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Pengurniaan ini, jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memeduli kesejahteraan dan hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak terkecuali daripada mendapat perhatian berterusan baginda.

Kerajaan Kebawah DYMM menerusi Jabatan Kemajuan Perumahan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan daya usaha dalam memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman sejajar dengan hasrat Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah kualiti kehidupan yang tinggi.

Rakyat baginda amat bertuah dengan kepimpinan baginda yang terus-menerus memberikan keprihatinan dan pemedulian terhadap kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat di negara ini. Ia jelas terbukti dengan adanya penyediaan perumahan yang selesa, mampu milik dan mampan khususnya melalui Skim Perumahan Negara.

Keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini secara langsung membuktikan komitmen Kerajaan Kebawah DYMM dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan serta mampu dimiliki selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

Sifat murah hati dan mengutamakan

kebajikan rakyat baginda jelas terbukti dengan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang merupakan wadah amal jariah atau derma khairat baginda dan keluarga baginda sentiasa memberikan pemedulian dan perhatian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di NBD khususnya golongan yang memerlukan bantuan.

Ini bertepatan dengan salah satu tujuan penubuhan YSHHB iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat Kebawah DYMM dengan mengadakan skim bantuan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik seperti orang miskin, orang kelainan upaya dan lain-lain dan bantuan bencana alam.

Dalam pada itu juga, mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan mengadakan skim bagi membantu belia yang memerlukan latihan kemahiran dan memberikan bantuan kepada badan-badan sukarela yang diiktiraf oleh kerajaan dan menanam dan memupuk semangat kecemerlangan dalam bidang sosiobudaya dan sosioekonomi dalam kalangan rakyat baginda dengan mengadakan peraduan dan hadiah dalam bidang sastera dan kebudayaan serta menghulurkan bantuan kepada pesakit yang tidak berkelayakan di bawah skim bantuan kerajaan.

Penubuhan YSHHB ini sangat signifikan dan menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan NBD yang sejahtera dan makmur serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan pelbagai usaha serta inisiatif Kerajaan Kebawah DYMM dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dan terjaga, kita selaku rakyat dan penduduk negara perlu bersama-sama berganding bahu mendukung usaha kerajaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Untuk akhirnya, kita berpayung di bawah kepimpinan raja yang penuh berwibawa ini wajib taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan mendoakan baginda dikurniakan kesejahteraan, kesihatan dan dilanjutkan usia kekal karar memerintah NBD.





Kedaulatan, keselamatan negara perlu diutamakan

PENENTU kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara adalah aspek kesetiaan. Dengan kesetiaan, kepercayaan mampu dibina dan ikatan terbentuk antara pihak-pihak terlibat. Dalam hal ini, semua rakyat perlu taat dan setia kepada raja yang merupakan ketua negara, kerajaan dan keluarga agar perpaduan tidak pecah dan robek.

Pada masa yang sama, keselamatan negara pula ditentukan oleh dua faktor utama iaitu secara dalaman dan secara luaran. Oleh sebab yang demikian, bagi mengekalkan kestabilan dan keselamatan negara, kedua-dua faktor tersebut wajib dipelihara sepanjang masa dan sememangnya tugas berat ini menjadi tugas kerajaan dan setiap warganegara tanpa kecuali, tidak mengira perbezaan kaum, agama, umur, status sosial. Punca ancaman terhadap keselamatan negara boleh muncul daripada sekecil-kecil perbuatan menyalaui peraturan sehingga sebesar-besarnya kesalahan. Justeru, perhatian teliti dan menyeluruh amat mustahak.

Keamanan Negara Brunei Darussalam (NBD) kian kukuh sejak awal penubuhan Askar Melayu Brunei (AMB) sehinggalah negara mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984.

Fokus, komited

Sehubungan dengan keselamatan negara ini juga selaku tampuk negara, pada 7 September 1986, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil alih jawatan Menteri Pertahanan yang sebelumnya dipegang oleh ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang ketika itu dikenali sebagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Lebih enam dekad penubuhannya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus berkembang dengan pesatnya atas perkembangan positif mengikut perancangan, khususnya perancangan bagi tahun 2023 dan 2024, antaranya berupa penstrukturan unit Jentera Tempur menjadi Rejimen Jurutera (Engineer Regiment) Tentera Darat Diraja Brunei, pentauliahkan Kapal Tentera Laut Diraja Brunei KDB AS-SIDDIQ dan KDB AL-FARUQ dan pengenalan aset baharu iaitu; Unmanned Underwater Vehicle (UUV). Sementara itu, Tentera Udara Diraja Brunei pula telah menerima dua buah daripada empat buah Pesawat Angkut C-295MW dan dalam masa terdekat juga akan menerima Pesawat Helikopter tempur baharu bagi menggantikan Pesawat Bolkow BO-105. Selain itu,

Markas Angkatan Bersama ABDB juga akan menaik taraf keupayaan sistem C41-STARnya.

Negara juga berkeyakinan penuh di mana dengan terus fokus dan komited, maka apa jua yang dirancang akan tercapai, dengan Kementerian Pertahanan dan ABDB berupaya menjadi teladan terbaik kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan projek yang telus, jujur dan berkesan.

Kembang luas diplomasi pertahanan

Selain daripada mengasah kekuatan tempurnya, ABDB juga telah berjaya mengembanguatkan lagi diplomasi pertahanannya melalui kerjasama dengan angkatan tentera negara-negara sahabat di peringkat ASEAN, serantau dan antarabangsa. Dengan wujudnya hubungan erat di antara ABDB dengan angkatan tentera sahabat di rantau ini khususnya dan antarabangsa amnya akan dapatlah memantapkan lagi keupayaan dan persefahaman melalui kegiatan eksekusi dan aktiviti dua hala serta pelbagai hala.

Manakala bagi memperkukuhkan lagi benteng pertahanan negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memperkenalkan penubuhan Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP), ABDB dan Kompeni Rekrut Institut Latihan (IL) ABDB bagi memberikan laluan dalam kalangan belia yang berminat untuk berkhidmat dengan ABDB.

Dengan terdapatnya sekolah dan institut berkenaan, Kebawah DYMM penuh berkeyakinan melalui Pemodenan Pendidikan Tentera Profesional ABDB dan Penubuhan Fakulti Pengajian Tentera di AP melalui Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pertahanan dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan membawa kepada pengembangan lebih berkesan, efisien dan sentiasa relevan dengan peredaran masa.

Namun pendidikan tinggi sahaja belumlah memadai. Tetapi ABDB juga perlu mendedahkan para anggotanya kepada penglibatan dalam operasi-operasi yang kompleks seperti Operasi Bersepadu dengan agensi-agensi keselamatan NBD, Operasi Bantuan Kemanusiaan dan Pemulihan Bencana (HADR) seperti Operasi Badai Taduh yang belum lama ini disertai di Republik Filipina dan Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) di Republik Filipina serta Misi Operasi Bantuan Keamanan, Pasukan Interim Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (UNIFIL).

Ini selaras dengan titah Kebawah DYMM sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 Sekolah Pegawai Kadet, AP, ABDB pada Khamis, 23 Rejab 1446H / 23 Januari 2025M bertempat di Padang Kawad AP, ABDB, Kampung Tanah Jambu.

"Beta mahu penglibatan seperti ini

dipertingkatkan, supaya ABDB dapat terus meningkatkan tahap profesionalisme dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara, di samping turut memberikan sumbangan bernilai kepada negara luar dan antarabangsa".

Manakala Fakulti Pengajian Tentera itu pula akan mendukung hasrat negara ke arah pembelajaran sepanjang hayat dengan menghasilkan pegawai-pegawai ABDB yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi menepati antara matlamat Wawasan Brunei 2035.

Di samping profesion ketenteraan ABDB, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sering sinonim dengan kekuatan semangat, disiplin dan fizikal diri. Kementerian Pertahanan dan ABDB, dan juga PPDB merupakan satu institusi yang dinamik dengan mengikut arus peredaran zaman.

Lebih holistik hadapi cabaran

Sama juga peranan dan kepentingan ABDB dalam tugas dan tanggungjawabnya, PPDB juga perlu lebih holistik dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Dengan penekanan kepada peningkatan keupayaan siasatan siber dan pengukuhan hubungan dengan masyarakat, PPDB berada di landasan yang kukuh untuk terus memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan, keamanan, dan kesejahteraan negara ini kerana PPDB merupakan salah satu pasukan keselamatan seperti juga ABDB, turut memainkan peranannya di dalam menjaga keamanan negara. Mula ditubuhkan pada tahun 1906 sehingga kini, PPDB begitu aktif di dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Berbalo dengan pengorbanan serta tanggungjawab yang dijalankan oleh PPDB, baru-baru ini Sabtu, 18 Januari 2025 juga Kebawah DYMM telah berkenan menganugerahkan Bendera Panji-Panji Peribadi baginda sebagai satu pengiktirafan baginda kepada seluruh pegawai dan anggota PPDB di atas khidmat jasa bakti, penat lelah, komitmen serta dedikasi yang telah ditunjukkan pasukan ini dalam memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama di negara ini.

Penganugerahan tersebut telah meletakkan PPDB di satu kedudukan yang berprestij sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam menjaga dan memelihara kedaulatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini dari sebarang ancaman keselamatan.

Sebagaimana titah Kebawah DYMM sempena Upacara Istiadat Perbarisan Bagi Majlis Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah DYMM pada Sabtu, 18 Januari 2025.

"Penganugerahan Panji-Panji Peribadi beta ini mempunyai signifikannya tersendiri. Ianya bukan sekadar lambang atau hiasan semata-

mata tetapi membawa makna yang amat mendalam yang mencerminkan betapa tinggi amanat dan kepercayaan beta terhadap PPDB. Dengan pengibaran bendera Panji-Panji Peribadi beta di setiap upacara perbarisan akan melambangkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi PPDB kepada raja, negara dan agama. Setiap pegawai dan anggota PPDB bertanggungjawab untuk menanai dan mempertahankan nilai panji-panji yang melambangkan keberanian, disiplin dan juga kecekapan dalam memikul tugas dan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan".

Justeru, Kebawah DYMM juga berharap PPDB akan terus berkembang maju dengan lebih terarah meliputi semua aspek termasuk kepimpinan, meningkatkan profesionalisme, memantapkan tadbir urus pasukan dan terus membina keupayaan pasukan bersama rakan-rakan strategik di dalam dan di luar negara dalam membanteras sebarang bentuk kegiatan jenayah yang boleh mengancam keselamatan negara, seterusnya ingin melihat PPDB menunjukkan kematangan dari segi pelaksanaan amanah dan tugasnya serta bermuhasabah diri dan bertekad untuk terus meningkatkan profesionalisme dalam PPDB.

Berlandaskan kejujuran, ketelusan, tanggungjawab

Apa yang penting juga dalam bidang keselamatan negara ini ia perlu kepada berlandaskan kejujuran, ketelusan dan tanggungjawab akan memastikan kepercayaan masyarakat negara ini terhadap pasukan-pasukan beruniform untuk terus utuh. Disiplin yang kukuh bukan sahaja membentuk keperibadian pegawai dan anggota beruniform itu sendiri yang cemerlang tetapi juga menjadi benteng pertahanan kepada cabaran moral dan etika ini kerana institusi raja menjadi tiang seri negara yang sentiasa perlu dipertahankan, dimuliakan. Raja menjadi payung kepada kedaulatan negara, manakala pertahanan dan keselamatan negara pula tanggungjawab kita semua sebagai rakyat dan penduduk di negara ini. Hal ini menjadi amanah setiap warganegara di NBD tanpa mengira latar belakang bangsa, agama, status sosial dan perbezaan ideologi politik.

Kesimpulannya, kewujudan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan warga ketenteraan di negara ini, adalah hasil daripada kepimpinan yang berwibawa dari raja yang kita kasihi. Kita amat bersyukur mempunyai raja yang prihatin terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat, menghargai segala peranan dan sumbangan yang dihulurkan oleh setiap individu, setiap pegawai beruniform malah setiap rakyat baginda.



Meletakkan Islam sebagai tonggak negara

Oleh : Nurul Rasyidah
Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang raja berdaulat yang tidak hanya dikenali atas kepemimpinannya dalam urusan pentadbiran negara, malah sangat dihormati kerana komitmen dan sumbangan baginda yang luar biasa dalam memartabatkan Islam sebagai agama rasmi dan teras kehidupan rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan contoh kepimpinan Islamik yang unggul dan menjadikan agama sebagai asas dalam semua aspek kehidupan bernegara termasuk pendidikan, perundangan, ekonomi dan sosial.

Sejak menaiki takhta pada tahun 1967, baginda telah menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap pembangunan syiar Islam dan menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang berteraskan nilai-nilai Islam yang sejati. Salah satu sumbangan penting baginda dalam bidang agama ialah pengisytiharan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) pada 1 Januari 1984 sempena Hari Kemerdekaan NBD. Falsafah ini menggabungkan budaya Melayu, ajaran Islam dan sistem Beraja sebagai asas negara. MIB digunakan sebagai panduan dalam pemerintahan, pendidikan, undang-undang dan kehidupan sosial untuk memastikan nilai-nilai Islam sentiasa dijaga.

Menubuhkan pelbagai institusi pendidikan Islam

Dalam bidang pendidikan agama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah menubuhkan pelbagai institusi pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia. Antaranya ialah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Institusi-institusi ini bukan sahaja menyediakan pendidikan formal dalam bidang agama tetapi juga berperanan dalam penyelidikan dan pengembangan ilmu-ilmu Islam yang relevan dengan keperluan semasa.

Merasmikan masjid

Dalam usaha memperkukuh institusi masjid sebagai pusat ibadah, baginda juga telah merasmikan dan menyokong pembinaan serta penambahbaikan masjid-masjid di seluruh negara sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh syiar Islam dan menyediakan kemudahan ibadah yang selesa kepada rakyat. Antara masjid yang telah dirasmikan oleh baginda baru-baru ini ialah Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan; Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang; dan Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau dan beberapa masjid lainnya. Dengan pembinaan masjid-masjid yang dilengkapi pelbagai kemudahan ini adalah untuk memenuhi keperluan para penduduk bagi menunaikan ibadah sembahyang lima waktu serta untuk para penduduk melakukan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti keagamaan ke arah meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Pada 20 Februari 2025, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyampaikan sumbangan kepada 71 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi menyokong pelaksanaan aktiviti takmir sepanjang bulan Ramadan 1446 Hijrah. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan baginda terhadap keperluan masyarakat dalam memperkukuh amalan keagamaan dan mempereratkan ukhuwah Islamiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menitikberatkan penghayatan, pembudayaan Al-Quran

Ke arah melahirkan generasi yang peka

kepada penghayatan Al-Quran pula, baginda juga amat menitikberatkan penghayatan dan pembudayaan Al-Quran dalam kalangan rakyat terutama sekali dalam kalangan belia-belia negara. Salah satu inisiatif penting dalam hal ini ialah penganjuran Musabaqah Membaca Al-Quran bagi Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang setiap tahun diadakan sebagai wadah untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran serta menyemarakkan kecintaan rakyat terhadap Al-Quran. Majlis ini turut menjadi pentas untuk melahirkan qari dan qariah yang bukan sahaja bertaraf kebangsaan, malah juga berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Baginda bukan sahaja menjadi penaung kepada acara keagamaan ini, malah setiap tahun berkenan berangkat bagi menyempurnakan pembukaan rasmi Musabaqah Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kehadiran baginda yang konsisten dalam majlis ini memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam mengangkat martabat Al-Quran sebagai sumber petunjuk dan pedoman dalam kehidupan umat Islam.

Dalam titah baginda sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, baginda menyentuh tentang kepentingan menjadikan Al-Quran sebagai pedoman dalam setiap aspek kehidupan serta menyarankan agar pembelajaran dan penghayatan Al-Quran tidak hanya terhad kepada pertandingan tetapi harus menjadi amalan harian dalam kalangan rakyat.

Sebagaimana titah baginda :
"Al-Quran bukan sahaja memberi pencerahan kepada akal fikiran tetapi juga mendidik jiwa untuk memahami erti kebenaran, keadilan dan kehidupan yang aman serta sejahtera".

Baginda juga menzahirkan harapan agar generasi muda negara akan terus mencintai Al-Quran dan menjadikannya panduan hidup dalam menghadapi cabaran zaman moden. Musabaqah Al-Quran bukan sekadar acara tahunan tetapi ia mencerminkan falsafah pemerintahan baginda yang meletakkan agama sebagai asas penting dalam membentuk rakyat dan membangunkan negara. Peranan aktif baginda dalam memelihara kemuliaan

Al-Quran di negara ini adalah contoh unggul kepemimpinan Islamik yang menyatukan antara tanggungjawab duniawi dan ukhrawi.

Dengan segala sumbangan dan perhatian baginda terhadap penghayatan Al-Quran ini, NBD terus kekal sebagai sebuah Negara Zikir yang diberkati, di mana Al-Quran tidak hanya dihormati sebagai kitab suci tetapi juga dijadikan asas kepada dasar dan gaya hidup rakyat dan penduduk di negara ini. Maka jelaslah bahawa usaha murni baginda dalam memperkasakan Musabaqah Membaca Al-Quran adalah satu lagi manifestasi cinta dan taat baginda terhadap agama Islam serta ikhtiar berterusan untuk membentuk rakyat yang celik agama, berakhlak mulia dan hidup berpaksaan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Menghadiri majlis keagamaan

Selain itu, baginda juga sentiasa berangkat ke pelbagai majlis keagamaan di negara ini sebagai simbolik dukungan dan teladan kepada rakyat jelata. Setiap tahun, baginda berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Awal Tahun Hijrah, Nuzul Al-Quran dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta Hari Raya Aidiladha. Kehadiran baginda dalam majlis-majlis ini bukan sahaja menzahirkan kasih sayang baginda kepada rakyat tetapi juga memperlihatkan betapa pentingnya peranan agama dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Baginda juga sering berangkat menunaikan solat Jumaat bersama rakyat baginda di negara ini.

Kesimpulannya, sumbangan keagamaan Kebawah DYMM dalam memartabatkan Islam di NBD adalah amat besar. Melalui pelbagai inisiatif dalam bidang pendidikan, pembinaan institusi keagamaan, baginda telah memastikan bahawa Islam terus menjadi asas dalam kehidupan rakyat dan pentadbiran negara.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan baginda Ke-79 Tahun, sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberi rahmat, keafiatan serta taufik dan hidayah kepada baginda. Semoga baginda juga dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dan terus memayungi negara dengan kepimpinan yang adil dan berwibawa. *Amin Ya Rabbal Alamin.*



دولت كباوڤولي توان قاتيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Ke-
79
TAHUN





IMBASAN MINGGUAN



ANTARA pelajar yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Berakas Garison. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

PENYAMPAIAN Ikrar Bahasa oleh 11 pegawai di bawah Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Program Perantisan i-Ready dan penuntut-penuntut yang menjalani penempatan kerja di jabatan-jabatan kerajaan. - Foto : Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar.

ANTARA yang hadir semasa Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 secara serentak dengan perisian majlis yang sama di seluruh surau-sarau garison, perkhemahan dan pangkalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru yang berlangsung di Surau Al-Hikmah, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison, di sini. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA aktiviti yang dianjurkan semasa Sambutan Hari Keluarga Kampung Beribi yang berlangsung di Sekolah Rendah Beribi Telanai, di sini. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

KOMITED MEMASTIKAN PERSEKITARAN KAMPUNG BERSIH



SUASANA kerja-kerja menebang sebatang pokok yang hampir menjalar ke jalan utama di kawasan Jalan Likap, Kawasan Parak (atas, kanan dan bawah kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Panaga 'A'

SERIA, Ahad, 13 Julai. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panaga 'A' dengan kerjasama penduduk kampung telah melaksanakan kerja - kerja menebang sebatang pokok yang hampir menjalar ke jalan utama di kawasan Jalan Likap, Kawasan Parak, di sini.

Inisiatif yang dijalankan seawal pukul 6.30 pagi tadi adalah sebagai langkah awal pencegahan sebelum pokok tersebut membesar dan menghalang laluan pengguna jalan raya serta

membahayakan keselamatan pejalan kaki.

Selain kerja-kerja penebangan, penduduk kampung juga mengambil inisiatif untuk membersihkan kawasan sekeliling daripada sampah-sarap yang berlonggok berhampiran kawasan tersebut.

Pemangku Penghulu Mukim Setia merangkap Ketua Kampung Panaga 'A', Awang Muhd. Nurzairie bin Abdullah Peter, dalam ucapannya menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli MPK serta

penduduk kampung atas semangat kerjasama yang tinggi walaupun aktiviti dilaksanakan pada hari cuti hujung minggu.

"Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada keselamatan dan kebersihan kampung, malah mengukuhkan lagi semangat kekitaan dan perpaduan dalam komuniti," ujarnya.

MPK Panaga A akan terus komited dalam menjalankan aktiviti berbentuk komuniti yang menyumbang kepada kesejahteraan penduduk serta mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat.



Pantau perkembangan, kemajuan pencapaian pelajar



SEKITAR perjumpaan Parents Teachers Meeting (PTM) di Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Sungai Akar (atas dan atas sekali).

Oleh : Hajah Siti Zuriahah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Sungai Akar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran

murid-murid ke tahap yang lebih berkualiti sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dalam menghasilkan rakyat yang berpendidikan tinggi,

Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Sungai Akar telah mengambil inisiatif bagi mengadakan perjumpaan Parents Teachers Meeting (PTM) sekurang-kurang dua tahun sekali.

PTM ini dihasrat bagi memastikan penglibatan ibu bapa dalam memantau perkembangan dan kemajuan pencapaian anak-anak mereka.

Guru Besar Sekolah PGGMB Sungai Akar, Dayang Maswati Airin Patrah binti Ahmad, menerangkan kepada ibu bapa dan penjaga murid bahawa tujuan utama PTM ialah semata-mata untuk mengongsikan perkembangan dan kemajuan anak-anak mereka secara menyeluruh sepanjang bulan Januari hingga Jun ini.

Pihak sekolah juga mengharapkan idea-idea dan pandangan yang konstruktif bagi sama-sama memajukan pencapaian anak-anak masing-masing. Dalam masa yang sama, pihak sekolah khususnya guru-guru yang mengajar subjek-subjek yang berkenaan dapat menerangkan dengan jelas pencapaian anak-anak sejauh ini.

Perjumpaan pada pagi ini melibatkan Tahun 1 dan Tahun 6 dalam semua subjek yang dipelajari oleh murid-murid di sekolah ini.

Alhamdulillah sambutan ibu bapa dan penjaga murid adalah sangat menggalakkan. Mereka juga memberikan respons yang positif bahawa perjumpaan seumpama ini adalah sangat baik dan para ibu bapa dapat melihat kualiti pencapaian anak-anak mereka.

Penyamaran pegawai bank, pegawai polis dalam siasatan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Berikutan penuliran gambar dan rakaman suara mengenai percubaan untuk menipu mangsa dengan menggunakan gambar Kad Pengenalan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan helah mengenai transaksi yang dibuat di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), PPDB ingin menegaskan bahawa kad pengenalan tersebut adalah palsu dan berkemungkinan dihasilkan menggunakan Perisian Penyuntingan-Foto (Photo-Editing Software).

Untuk makluman orang ramai, satu laporan mengenai kes tersebut telah dilaporkan kepada pihak PPDB dan siasatan diambil alih oleh Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ).

Siasatan mendapati bahawa mangsa telah dihubungi oleh seorang scammer yang menyamar sebagai wakil pihak BIBD, melalui aplikasi WhatsApp dan memaklumkan kononnya terdapat transaksi kad kredit bernilai besar atas nama mangsa.

Seterusnya, mangsa dihubungi sekali lagi oleh scammer lain yang turut menyamar sebagai pegawai polis dari Jabatan Siasatan Jenayah (CID) dengan tujuan untuk memperdaya mangsa agar mendedahkan maklumat peribadi mereka.

PPDB ingin mengingatkan orang ramai untuk berwaspada terhadap panggilan telefon, terutamanya panggilan melalui WhatsApp untuk urusan rasmi pihak kerajaan atau bank, walaupun nombor telefon yang digunakan adalah nombor tempatan.

PPDB tetap komited dalam membanteras kes-kes penipuan dan menyeru orang ramai untuk menyebarkan kesedaran ini kepada ahli keluarga dan rakan-rakan agar tidak menjadi mangsa seterusnya.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TL / 001 [JPPK/LTK/12/2025]
Demolition Works To Two (2) Buildings 'FG' Flat (Block C & D) At Jalan Padang Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) Muara, Ministry Of Defence

Tarikh Mula Tawaran:
14 Julai 2025

Kelas:
II dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sepuluh (10) Minggu

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Selasa, 29 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
2.00 Petang,
5 Ogos 2025.
(Selasa)



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TU / 002 [JPPK/LTN/02/2025]
Proposed 11kv Primary Substation For Royal Brunei Air Force Base, Rimba

Tarikh Mula Tawaran:
14 Julai 2025.

Kelas:
V dan ke Atas

Kategori:
E02, B01 dan P05

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Jumaat, 15 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
2.00 Petang,
19 Ogos 2025. (Selasa)



KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN

1. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01 - 04 / 202502026
12 Months Term Contract For Janitorial Cleaning / Housekeeping Works At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

2. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01 - 07 / 202502026
To Supply, Install, Testing, Commissioning Of New Air-Conditioning Units At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 Safar 1447H / 5 Ogos 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
01 / KKBS / HK42 -2026

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Menghantar Bendera Bagi Acara Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-42, Tahun 2026

Tarikh Tutup:
Khamis, 31 Julai 2025.



Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
07 / 2025 / KKBS / PPB / 06

Tajuk Sebut Harga :
Terms Contract 12 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Plumbing Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

Tarikh Tutup:
Khamis, 24 Julai 2025.



MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 10

Tajuk Tawaran:
To Provide Accommodation Services For The Second Meeting Of The 21st Session Of The Legislative Council For Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Brunei Darussalam

Tarikh Tawaran Dibukakan:
8 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
22 Julai 2025.



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 - 2026 / 06

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For Brunei Coffee Trail In Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, 29th - 31st August 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 24 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERDANA MENTERI

Pusat Pekerjaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri

1. Bilangan Tawaran:
PPB / QTN / AAU / 2025 / 02

Tajuk Tawaran:
Tawaran bagi Cleaning Service for 12 Months Term Contract at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

2. Bilangan Tawaran:
PPB / QTN / AAU / 2025 / 03

Tajuk Tawaran:
Tawaran bagi Air Conditioner Maintenance for 24 Months Term Contract at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Tutup:
Rabu, 23 Julai 2025.
2.00 Petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Flight Calibration for Air Navigation Facilities
ATELS / 2025 / LTK-05

Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Tawaran:
14 Julai 2025, Isnin.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
28 Julai 2025, Isnin.

Tarikh Tutup Tawaran:
29 Julai 2025, Selasa.

Kepada:
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Isikan / pengisian serta subjek / bidang kelulusan) (NCPK) yang berkesan
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Selcarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Jumlah / pekerjaan / Pekerjaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**
Iklan Tarikh Lanjutan

Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan:

Jurutera Kanan (Estet)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
II

Tangga Gaji:

B.3 (BND3,880 - BND4,240
sebulan)

Kekosongan:
Satu (01)

Tatacara Permohonan:

a) Borang permohonan – Borang P1-Tempatan (Bukan Jawatan Akademik) bolehlah didapati dan diisi melalui *online* di laman sesawang:
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

b) Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online nombor rujukan berserta salinan borang permohonan online akan dihantar ke alamat e-mel pemohon. Pemohon dikehendaki menghantar nombor rujukan tersebut ke
recruitment@unissa.edu.bn.

c) Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +673 8687055 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada
recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin, 14 April 2025.

**Tarikh Tutup Permohonan
Dilanjutkan:**
Isnin, 21 Julai 2025

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / JK / 5 / 2025


JABATAN PERDANA MENTERI
**Iklan Tarikh Lanjutan
Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri**
**Bilangan Rujukan dan Tajuk
Sebut Harga:**

JPP / 1 / 3 / 16 / 1 / 25-26
Pembuatan Video dan Grafik bagi
Pengurniaan Anugerah Inovasi
Perdana sempena
Hari Perkhidmatan Awam
ke-32, Tahun 2025

**Yuran Sebut Harga
(E-dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**
**Dibukakan Kepada Kontraktor
Kelas IV & V Dan Kategori B01**
**1. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
001 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Religious Schools In Tutong
District And Belait District,
Negara Brunei Darussalam.

**2. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
002 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Religious Schools In Zone IV
Within Brunei Muara District
And Temburong District,
Negara Brunei Darussalam.

**3. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
003 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Religious Schools In Zone III And
Zone IIA Within Brunei Muara
District, Negara Brunei
Darussalam

**4. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
004 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Cophensive Maintenance Of
Religious Schools In Zone I And
Zone IIB Within
Brunei Muara District,
Negara Brunei Darussalam

**5. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
005 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Ma'had Islam Brunei, Daerah
Tutong & Sekolah Arab Belait,
Negara Brunei Darussalam.


**6. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 006 /
2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Sekolah Tinggi Arab Hassanah
Bolkiah (STA HB) And Sekolah
Arab Raja Isteri Pengiran Anak
Damit (SA RIPAD),
Negara Brunei Darussalam

**7. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
007 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Sekolah Arab Sultan Haji
Hassanah Bolkiah, Kg Rimba,
Negara Brunei Darussalam.

**8. BIL.: KHEU / BDP / LTK /
008 / 2025**

Three (3) Years Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Sekolah Agama (Arab) Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha, Kg Katok,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran:
11 Jun 2025.

**Tarikh dan Jam Tutup
Mengambil Dokumen Tawaran:**
22 Julai 2025 (2.00 Petang) -
dilanjutkan

Tarikh Tutup Tawaran:
29 Julai 2025 (2.00 Petang) –
dilanjutkan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Iklan Tarikh Lanjutan
**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam**

Kelas:
IV & V

Kategori:
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran pada :**
Sabtu, 5 Julai 2025.

Tarikh Tutup:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-05

Tajuk Projek:
Request For Quotation (RFQ) For
Proposed Supply, Installation And
Maintenance Of Outdoor Led Screen
At Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddin, Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / 2105 / 02

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk Tawaran:
Provision of Manpower for:
Discipline Maintenance
Specialist for The Department
For Electrical Services

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 048 / 2025

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025. (Selasa)

**Harga Tawaran
(Tidak dikembalikan)**
BND500.00


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / TU /
TA / 02

Pembelian Alat-Alat
Kelengkapan Bagi Keperluan
Pasukan Khas Tentera Udara
Diraja Brunei (PASKTU)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah
satu minggu sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu
**Isnin,
5 Ogos 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025.
2.00 Petang.


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SETIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TCADPJDKB / 2025-2026

Keterangan Projek:
Trees Cutting At Dewan
Persidangan Jalan Dewan,
Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / OTCCAADSPBKB(2) /
2025-2026

Keterangan Projek:
One Time Cleaning Contract to
Clean Access Asphalt Driveway
Surface at Padang Bandaran
Jalan Sultan, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن ساليينن كمبير ٢ ديكيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

OPERASI PANYAP BERSEPADU DAPATI PELBAGAI KESALAHAN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Operasi Panyap Bersepadu telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang daripada Jabatan Buruh dan Jabatan Kemajuan Perumahan.

Operasi sasaran adalah di rumah-rumah di Mukim Kota Batu, Mukim Mentiri dan Mukim Gadong 'B'.

Hasil daripada operasi berkenaan, JIPK telah pun membuat pemeriksaan ke atas tujuh orang warganegara asing, yang mana telah pun membawa kepada penahanan tiga orang

warganegara asing dan mereka dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seorang daripada warganegara asing tersebut gagal untuk mengemukakan dokumen yang asal dan juga dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 15 (2) Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala dua orang lagi daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15 (1), Akta imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresen mereka mansuh dan salah seorang daripadanya juga gagal mengemukakan dokumen yang



sah.

Sementara itu, hasil daripada operasi tersebut juga, Jabatan Buruh telah pun mendapati beberapa kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh dua orang warganegara asing di bawah kategori pembantu rumah tangga yang terlibat dalam melakukan pekerjaan kegiatan pembinaan dan perniagaan.

Mereka telah pun didapati bersalah bagi kesalahan Bab 86, Perintah Pekerjaan 2009 iaitu kesalahan penempatan pekerja asing yang mana majikan wajib mendapatkan kebenaran Pesuruhjaya Buruh bagi tempat pekerjaan bagi pekerja-pekerja di bawah jaminan syarikat dan kesalahan di bawah Bab 112 (2),

Perintah Pekerjaan 2009 iaitu kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing yang mana pekerja yang dijamin tidak ditempatkan di tempat yang diisytiharkan ke Jabatan Buruh.

Jabatan Kemajuan Perumahan mendapati terdapat beberapa pelanggaran berikut, sebuah rumah melanggar peraturan syarat bagi mengikuti Rancangan Perumahan Negara (RPN) iaitu membenarkan orang selain daripada ahli keluarganya mendiami rumah miliknya dan menempatkan warga asing di bangunan tambahan pada bahagian belakang rumah.

Pemilik rumah diberikan arahan lisan untuk menghentikan kegiatan

OPERASI Panyap 67/2025
Bersepadu yang telah dilaksanakan di Mukim Kota Batu, Mukim Mentiri dan Mukim Gadong 'B' (kiri dan kiri sekali).

menempatkan warganegara asing di rumah berkenaan, menternak binatang iaitu ayam dan membersihkan kawasan rumah dengan serta-merta.

Pada rumah kedua, pemilik rumah didapati melanggar peraturan syarat mengikuti Rancangan Perumahan Negara iaitu membenarkan orang selain daripada ahli keluarganya mendiami rumah miliknya, menjalankan kegiatan bengkel dan kebersihan rumah yang kurang memuaskan.

Pemilik rumah diberikan arahan lisan untuk menghentikan kegiatan bengkel dan membersihkan kawasan rumah dalam tempoh tiga hari.

Pada rumah ketiga, pemilik rumah didapati melanggar peraturan syarat mengikuti RPN iaitu membenarkan orang selain daripada ahli keluarganya mendiami rumah miliknya dan menempatkan warga asing di bangunan tambahan pada bahagian belakang rumah.


Pemilik rumah diberikan penerangan dan arahan lisan untuk meroboh binaan bangunan tambahan berkenaan.

Operasi Bersepadu ini adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam dalam misi membanteras dan membendung kegiatan - kegiatan yang melanggar undang - undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

Operasi Waspada kesan 5 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 132/2025 di Kampung Menglait pada 5 Julai 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas bengkel

membaiki kereta telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 39(2) Gagal membayar gaji kerja lebih masa; Bab 64 Bekerja pada hari rehat; Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan; Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; dan Bab 72 Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.


Jika gagal membayar denda

kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti membayar gaji kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu atau mana-mana hari di minggu tersebut, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan dan memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

SEKITAR Operasi Waspada 132/2025
yang dijalankan di Kampung Menglait (kiri, atas dan atas kiri).



BEKERJASAMA MEMBERSIHKAN TANAH PERKUBURAN



■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SEBAHAGIAN daripada 100 ahli pengakap yang menyertai Kempen Gotong-Royong tersebut di kawasan Tanah Perkuburan Islam Dagang, Kampung Kianggeh (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Persekutuan Pengakap Daerah Brunei Muara (PPDBM) dengan sokongan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menganjurkan Kempen Gotong-Royong membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Islam

Dagang, Kampung Kianggeh, baru-baru ini.

Aktiviti berkenaan adalah bersempena menyambut Ilal Hijrah 1447 yang menjadi salah satu program persekutuan berkenaan.

Lebih 100 ahli pengakap menyertai kempen tersebut

termasuk daripada Pasukan Pengakap Sekolah Menengah Awang Semaun, Pasukan Terbuka Brunei Muara 1100 dan Pasukan Pengakap Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), bersama para pemimpin pengakap, penolong-penolong pesuruhjaya serta pesuruhjaya-

pesuruhjaya ibu pejabat.

Aktiviti itu telah diketuai oleh Pesuruhjaya PPDBM, Skipper Haji Harzuna bin Haji Ismail, yang turut sama turun padang menyertai kerja-kerja pembersihan serta memberikan galakan kepada semua peserta agar sentiasa mengambil peluang untuk sama-sama memberikan khidmat dan berbuat kebajikan.

Selesai aktiviti pembersihan, Acara Tahlil telah diadakan di kawasan tanah perkuburan berkenaan yang dikepalai oleh Skipper Haji Mazlan bin Badul dan ia sebagai tanda penghormatan dan mengharapkan ganjaran pahala

buat mereka yang telah meninggal dunia.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk memulihkan bulan Muharam dan mengingati penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malah turut menyemai nilai-nilai murni seperti kasih sayang sesama insan, semangat kerohanian dan keprihatinan terhadap kebersihan persekitaran.

Pihak persekutuan percaya bahawa program seumpama ini mampu membentuk peribadi unggul dalam kalangan generasi muda, serta memupuk semangat sukarelawan dan kebersamaan dalam memeduli kebajikan masyarakat.

OPS NEST kesan pelbagai kesalahan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BELAIT, Sabtu, 12 Julai. - Operasi Sepadu Sekatan Jalan Raya (OPS NEST) telah dijalankan di dua lokasi strategik bertempat di

Lebuhraya Seria / Panaga (NEST 1) dan kawasan Pekan Seria (NEST 2) pada 10 Julai lepas.

Operasi tersebut melibatkan 105

ANTARA barang-barang tegahan yang telah ditemui semasa operasi tersebut dijalankan (kiri dan kanan).

anggota daripada Daerah Polis Belait dan Jabatan Siasatan Kawalan Lalulintas (JSKLL) Batu 3, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

Hasil pemeriksaan dijalankan, JSKLL telah mendapati beberapa kesalahan lalu lintas seperti memasang tabir gelap, lesen memandu mansuh atau memandu tanpa lesen, kenderaan tidak dilindungi insurans, ubah suai kereta dan tidak menggunakan tali pinggang keselamatan.

Sementara itu, pihak BKN mendapati lima kesalahan berkaitan dadah termasuk memiliki dan memakan dadah terlarang.



Manakala JKED telah menahan dua individu atas kesalahan memiliki rokok seludup, minuman keras dan vape.

JIPK telah memeriksa seramai 317 individu daripada pelbagai kewarganegaraan dan tiada kesalahan imigresen dikesan. JPD telah mendapati satu kesalahan cermin rosak.

PPDB ingin menasihati orang awam supaya sentiasa mematuhi

undang-undang jalan raya dan tidak mengubahsuai kenderaan tanpa kelulusan serta memastikan lesen memandu dan insurans kenderaan sentiasa sah.

Dengan adanya kerjasama dengan agensi penguatkuasaan terlibat akan terus melaksanakan operasi sebegini dari semasa ke semasa demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara.

4 warga tempatan ditahan disyaki miliki barang tegahan

TEMBURONG, Sabtu, 12 Julai. - Daerah Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan satu Operasi Sepadu bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) pada petang 10 Julai yang lalu.

Operasi yang melibatkan 33 anggota dari PPDB dan pihak JKED tersebut dijalankan di beberapa buah rumah di sekitar kawasan Perpindahan Kampung Rataie dan sekitar kawasan Kampung Bokok, Temburong.

Hasil daripada operasi tersebut, pihak JKED mendapati empat

warga tempatan, iaitu seorang wanita dan tiga lelaki, disyaki memiliki barang tegahan di bawah Perintah Kastam, iaitu memiliki 11 kanton dan sembilan paket rokok pelbagai jenama, 28 unit vape pelbagai jenis berserta dua unit telefon bimbit.

Kesemua suspek dan bahan bukti ditahan oleh pihak JKED bagi siasatan dan tindakan selanjutnya. PPDB bersama agensi penguatkuasa berharap dengan adanya operasi tersebut dijalankan dapat memberikan panduan dan kesedaran akan kepentingan

mematuhi peraturan undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Masyarakat juga disarankan untuk turut sama memainkan peranan proaktif sebagai mata dan telinga kepada agensi-agensi penguatkuasa dengan menyalurkan maklumat yang berguna agar kegiatan-kegiatan jenayah dapat dibanteras dengan sebaiknya.

PAKET-paket rokok (barang tegahan) pelbagai jenama telah ditemui pada operasi berkenaan.



PENTAGON SAHKAN PELURU BERPANDU IRAN MENGENAI PANGKALAN TENTERA AS DI QATAR



WASHINGTON, 12 Julai. - Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (Pentagon) pada Jumaat mengesahkan bahawa satu peluru berpandu balistik yang dilancarkan Iran bulan lalu mengenai Pangkalan Udara Al Udeid milik Amerika Syarikat (AS) di Qatar, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Satu peluru berpandu balistik Iran mengenai Pangkalan Udara Al Udeid pada 23 Jun, manakala

selebihnya berjaya dipintas sistem pertahanan udara AS dan Qatar," kata jurucakap utama Pentagon, Sean Parnell dalam satu kenyataan kepada Anadolu.

Menurut Parnell, serangan itu hanya menyebabkan kerosakan kecil pada peralatan dan struktur di pangkalan itu serta tiada kecederaan dilaporkan.

"Pangkalan Udara Al Udeid kekal beroperasi sepenuhnya dan

mampu melaksanakan misinya bersama rakan kongsi kami di Qatar bagi memastikan keselamatan dan kestabilan rantau ini," katanya.

Iran melancarkan peluru berpandu ke arah pangkalan itu dalam satu tindakan yang dianggap sebagai peningkatan ketegangan, selepas serangan AS terhadap tiga tapak nuklear Iran pada 21 Jun.

Berikutan insiden itu, Komando Pusat Tentera AS (CENTCOM)

yang menyelia pasukan tentera AS di rantau itu memaklumkan tentera Amerika bersama Qatar berjaya menangkis serangan itu.

Pengerusi Ketua Turus Bersama AS Jeneral Dan Caine dalam sidang media pada 26 Jun berkata usaha mematahkan serangan ke atas pangkalan itu adalah penglibatan sistem Patriot terbesar dalam sejarah ketenteraan AS.

Menurut Caine, pertahanan

pangkalan itu turut melibatkan kru sistem Patriot dari Qatar.

Beliau tidak menyatakan jumlah peluru berpandu Patriot yang digunakan, namun menggambarkan bahawa terdapat banyak serpihan logam di udara ketika serangan berlaku. - ©BERNAMA

Greece gantung sementara permohonan suaka migran dari Afrika Utara

ATHENS, 12 Julai. - Greece menggantung sementara permohonan suaka bagi migran yang tiba melalui laut dari Afrika Utara selepas Parlimen di Athens meluluskan langkah itu pada Jumaat selepas dua hari dibahaskan, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Menurut kiraan rasmi Parlimen, seramai 177 Ahli Parlimen mengundi menyokong perubahan itu manakala 74 menentang.

Kerajaan memaklumkan bahawa Athens telah memaklumkan Suruhanjaya Eropah mengenai langkah itu.

Ia bertujuan sebagai langkah pencegahan dan akan dilaksanakan untuk tempoh tiga bulan pada peringkat awal.

Kerajaan Konservatif memaklumkan bahawa migran yang tiba akan ditahan dan dihantar pulang ke negara asal atau negara yang mereka datang secepat mungkin.

"Laluan ke Greece akan ditutup, itu mesej kepada penyeludup," kata Perdana Menteri Kyriakos Mitsotakis semasa perbahasan di Parlimen.

Bagaimanapun, usaha penghantaran pulang tidak mudah dilaksanakan kerana beberapa negara asal tidak bekerjasama untuk menerima semula rakyat mereka.

Pihak pembangkang berhaluan kiri di Greece melihat langkah ini sebagai satu pelanggaran hak asasi manusia.

Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) turut menyuarakan kebimbangan. "Hak untuk memohon suaka adalah hak asasi manusia yang *fundamental*, termaktub dalam undang-undang antarabangsa, Eropah dan negara, dan terpakai kepada semua tanpa mengira bagaimana atau di mana mereka tiba di sesuatu negara," menurut kenyataan UNHCR.

Dalam beberapa minggu kebelakangan ini, jumlah migran yang meninggalkan Libya dan tiba di Pulau Crete meningkat secara mendadak. Menurut migran, penyeludup mengenakan bayaran sehingga 5,000 (AS\$5,843) bagi perjalanan berbahaya sejauh 300 kilometer itu. - ©BERNAMA

Disyaki terlibat keganasan: Dhaka bimbang penahanan rakyat Bangladesh, akan berkoordinasi dengan KL

DHAKA, 12 Julai. - Penasihat Hal Ehwal Luar Bangladesh, Md. Touhid Hossain pada Jumaat menyuarakan kebimbangan berhubung penahanan beberapa warganegara Bangladesh di Malaysia baru-baru ini atas dakwaan berkaitan keganasan, lapor United News of Bangladesh (UNB).

Beliau berkata Kerajaan Bangladesh akan bekerjasama dengan Malaysia bagi menyiasat dakwaan kegiatan pengganas melibatkan warganya yang ditahan oleh polis Malaysia.

Perkara itu dibincangkan semasa pertemuan dua hala bersama Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Mohamad Hasan yang berlangsung di Kuala Lumpur di luar Mesyuarat Menteri-Menteri Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-32.

Hossain mengulangi pendirian tegas kerajaan Bangladesh menentang keganasan dan meminta kerjasama Malaysia dalam siasatan pihaknya melalui pertukaran maklumat dan penemuan.

Menteri Luar Malaysia memberi jaminan bahawa pihaknya akan memudahkan akses dan kerjasama dengan pihak berkuasa Bangladesh. - ©BERNAMA

Pelancong Jerman sesat di pedalaman Australia ditemukan lemah

SYDNEY, 12 Julai. - Seorang pelancong wanita warga Jerman berusia 26 tahun yang dilaporkan hilang selama kira-kira 11 hari di kawasan pedalaman terpencil Australia Barat ditemukan dalam keadaan lemah, mengalami dehidrasi dan keletihan, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Polis memaklumkan pada Sabtu bahawa Carolina Wilga ditemukan pada Jumaat, kira-kira 20 kilometer dari laluan terdekat selepas dia berjaya menahan seorang pemandu yang kebetulan melalui kawasan sunyi itu.

"Dia sangat cemas, jelas keletihan, mengalami dehidrasi dan memerlukan makanan. Namun secara keseluruhan, dia

berasa lega kerana akhirnya bertemu seseorang dan mendapat bantuan," kata Pemangku Inspektor Polis Australia Barat, Jessica Securo kepada penyiar tempatan 9News.

Wilga dilaporkan meninggalkan van miliknya yang rosak untuk mendapatkan bantuan - tindakan yang tidak digalakkan oleh pihak berkuasa.

"Kekal bersama kenderaan anda," tegas Securo, sambil menjelaskan bahawa kenderaan jauh lebih mudah dikesan berbanding individu.

Wilga kini menerima rawatan perubatan dan sokongan emosi di Perth, namun dilaporkan tidak

mengalami sebarang kecederaan serius.

Menurut polis, Wilga mengembara ke seluruh Australia sejak dua tahun lalu, sering menginap di asrama dan bekerja di tapak perlombongan untuk membiayai perjalanannya.

Dia kali terakhir dilihat pada 29 Julai di Beacon, sebuah bandar kecil di wilayah Wheatbelt yang jarang dihuni.

Van Mitsubishi miliknya ditemukan pada Khamis, kira-kira 100 kilometer ke utara dari lokasi terakhir dia dikesan, berhampiran Karroun Hill - kira-kira 300 kilometer timur laut Perth - dan dipercayai mengalami kerosakan mekanikal. - ©BERNAMA

Saudia tamat operasi Haji 1446 dengan kepulangan jemaah terakhir

MADINAH, 12 Julai. - Penerbangan Arab Saudi (Saudia) menamatkan operasi musim Haji 1446 selama 74 hari secara bersepadu, dengan mengucapkan selamat jalan kepada kumpulan terakhir jemaah haji yang berlepas pulang ke Indonesia dari Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad bin Abdulaziz di Madinah.

Menurut Agensi Berita Saudi (SPA), Saudia mengangkut lebih 808,000 jemaah menerusi lebih 4,400 penerbangan dari 145 destinasi di seluruh dunia, menggunakan 147 pesawat.

Syarikat penerbangan itu turut melaksanakan inisiatif 'Haji Tanpa Bagasi' dengan mengendalikn lebih 270,000 beg bagi melancarkan urusan di lapangan terbang.

Selain itu, lebih 240,000 botol air Zamzam turut diedarkan.

Perkhidmatan dalam penerbangan termasuk penyediaan kandungan pendidikan hasil kerjasama dengan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi, yang menawarkan panduan lengkap mengenai pelaksanaan ibadah haji dalam pelbagai bahasa. - ©BERNAMA

WFP : Krisis kelaparan Gaza lebih teruk daripada sebelum ini, gesa gencatan senjata segera

HAMILTON (Kanada), 12 Julai. - Program Makanan Sedunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada Jumaat memberi amaran bahawa krisis kelaparan di Semenanjung Gaza kini berada pada tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, dengan usaha bantuan kemanusiaan terjejas akibat sekatan akses, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Keadaan ini lebih teruk daripada yang pernah saya lihat sebelum ini," kata Timbalan

Pengarah Eksekutif WFP, Carl Skau pada sidang media di ibu pejabat PBB di New York selepas lawatan keempatnya ke Gaza.

Skau menegaskan bahawa keperluan kemanusiaan tidak pernah setinggi ini dan kemampuan PBB untuk bertindak balas dan membantu tidak pernah sesukar ini.

Beliau berkata laporan Klasifikasi Fasa Keselamatan Makanan Bersepadu (IPC) baru-baru ini mendapati 500,000 penduduk Gaza sedang berdepan

kebuluran dan keadaan itu kini bertambah buruk.

"Kini, kadar kekurangan zat makanan semakin meningkat," katanya sambil menambah: "90,000 kanak-kanak kini memerlukan rawatan segera akibat kekurangan zat makanan. Seorang daripada tiga penduduk Gaza tidak makan selama beberapa hari".

Beliau turut berkongsi pengalaman bertemu keluarga yang hanya mampu bertahan dengan sup yang dimasak

menggunakan beberapa biji lentil atau beberapa keping pasta dan ibu cuba menghalang anak mereka daripada bermain untuk menjimatkan tenaga kerana kekurangan makanan.

Menekankan peningkatan penduduk yang terpaksa berpindah, beliau berkata: "Saya bertemu keluarga yang telah berpindah dua atau tiga kali dalam tempoh 10 hari lalu; ada yang sudah berpindah 20 atau 30 kali," sambil menambah bahawa setiap pergerakan mengurangkan keupayaan mereka untuk terus hidup.

Skau juga menegaskan bahawa keupayaan WFP untuk beroperasi kini sangat terjejas akibat proses pemeriksaan keselamatan yang mengambil masa lama di pusat pemeriksaan dan kekurangan bekalan bahan api.

"Pasukan kami sering tersekat sementara menunggu kelulusan di pusat pemeriksaan, kadangkala terpaksa berada dalam kenderaan berperisai selama 15 hingga 20 jam berturut-turut untuk mengiringi konvoi," katanya.

Walaupun WFP dibenarkan menghantar bantuan melalui lintasan sempadan Zikim yang dikawal Israel ke utara Gaza buat kali pertama dalam beberapa hari, Skau memberi amaran bahawa perkembangan itu masih jauh daripada mencukupi.

"Ia tidak akan cukup untuk mengubah keadaan kelaparan, itu sudah pasti," tegasnya.

Sambil menekankan keperluan gencatan senjata, Skau berkata: "Saya tidak tahu bagaimana untuk menyatakannya dengan lebih jelas, tetapi gencatan senjata amat mendesak". - ©BERNAMA



CHINA SIAP BINA GELUNG TRANSMISI VOLTAN TINGGI SEKITAR LEMBANGAN TARIM

URUMQI, 13 Julai. - Republik Rakyat China telah menyiapkan pembinaan gelung penghantaran kuasa voltan lebih tinggi sepanjang 4,197 kilometer (km) mengelilingi Lembangan Tarim, yang merupakan lokasi kepada padang pasir terbesar di negara itu, menandakan pencapaian infrastruktur utama di selatan Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang di barat laut Republik Rakyat China.

Bahagian akhir gelung 750 kilovolt (kV), kini terbesar di negara seumpamanya, telah

disambungkan pada Ahad, menandakan projek 15 tahun yang melibatkan sembilan pencawang dan hampir 10,000 menara keluli, menurut anak syarikat State Grid Xinjiang Electric Power Co., Ltd., yang bertanggungjawab membina projek itu.

Langkah ini melengkapkan 'gelung lebuh raya ekspres tenaga', yang dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang November 2025, kata syarikat itu.

Lembangan Tarim menempatkan Gurun Taklimakan, gurun pasir bergerak kedua terbesar di dunia. Selama berabad-abad, ribut pasir yang

berterusan telah melanda oasis selatan Xinjiang, mengasingkannya bukan sahaja dari segi geografi tetapi juga dari prospek pembangunan.

Pegawai dan pakar berkata projek itu berpotensi meletakkan selatan Xinjiang di landasan pantas untuk pembangunan dan meningkatkan bekalan tenaga baharu di seluruh negara. - ©XINHUA

ANGGOTA kakitangan meronda di sepanjang talian elektrik grid 750 kV di sekitar Lembangan Tarim di Daerah Yuli, Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang barat laut China, 27 April 2024.



EU bersedia capai perjanjian dengan Amerika Syarikat sebelum 1 Ogos

ISTANBUL, 13 Julai. - Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen pada Sabtu menyatakan kesediaan untuk berusaha ke arah mencapai satu perjanjian dengan Amerika Syarikat (AS) sebelum 1 Ogos, susulan pengumuman Presiden Donald Trump mengenai tarif sebanyak 30 peratus ke atas blok itu yang akan bermula bulan depan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Kami kekal bersedia untuk terus berusaha ke arah satu perjanjian menjelang 1 Ogos. Pada masa yang sama, kami akan mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi kepentingan EU, termasuk pengubalan tindakan balas yang setimpal jika diperlukan," kata von der Leyen dalam satu kenyataan bertulis.

Beliau menegaskan, Eropah secara konsisten mencari

penyelesaian melalui rundingan dengan AS dan mengulangi komitmen terhadap dialog, kestabilan dan perkongsian transatlantik yang konstruktif. Menurutnya, hanya sedikit ekonomi di dunia yang mampu menyaingi tahap keterbukaan dan pematuhan terhadap amalan perdagangan adil yang diamalkan oleh blok itu.

"Pelaksanaan tarif sebanyak 30 peratus ke atas eksport EU akan mengganggu rantaian bekalan transatlantik yang penting dan memberi kesan negatif kepada perniagaan, pengguna dan pesakit di kedua-dua belah Atlantik," kata von der Leyen dengan nada amaran.

Beliau berkata EU akan terus memperkukuh kerjasama global mereka, yang berpaksikan prinsip perdagangan antarabangsa

berasaskan peraturan.

Terdahulu, Presiden Trump mengumumkan yang AS akan mengenakan tarif sebanyak 30 peratus ke atas EU dan Mexico bermula 1 Ogos.

Dalam satu hantaran di Truth Social, Presiden Trump berkongsi dua surat berasingan yang ditujukan kepada Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen dan Presiden Mexico, Claudia Sheinbaum, mengumumkan tarif sebanyak 30 peratus ke atas barangan dari Eropah dan Mexico yang menuju ke AS.

Surat itu kini memburukkan lagi rundingan perdagangan antara AS dan EU, yang sebelum ini menyasarkan untuk memuktamadkan satu perjanjian perdagangan menyeluruh bulan ini. - ©BERNAMA

Viet Nam larang motosikal bahan api fosil mulai Julai 2026

HANOI, 13 Julai. - Perdana Menteri Viet Nam, Pham Minh Chinh mengarahkan pihak berkuasa Hanoi supaya melaksanakan larangan terhadap penggunaan semua motosikal berkuasa bahan api fosil di kawasan pusat bandar yang terletak dalam Lingkaran Jalan 1 (Ring Road 1), berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026.

Langkah itu adalah sebahagian daripada pelan nasional untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar yang semakin serius, khususnya pencemaran udara dan air di bandar-bandar utama.

Menurut Agensi Berita Viet Nam (VNA), kualiti udara di Hanoi

kadangkala tersenarai antara paling tercemar di dunia, manakala sungai-sungainya pula dilaporkan mengalami pencemaran air melebihi tahap selamat sejak sekian lama.

Sebagai sebahagian pelan jangka panjang, kerajaan merancang untuk meluaskan larangan secara berperingkat.

Menjelang 1 Jan 2028, semua motosikal akan diharamkan daripada memasuki kawasan dalam Ring Road 1 dan 2.

Sekatan turut akan dikenakan terhadap penggunaan kereta persendirian yang menggunakan petrol.

Mulai 2030, larangan itu akan

diperluaskan meliputi kawasan dalam Ring Road 3.

Selain melaksanakan larangan, Hanoi juga diarahkan untuk membentangkan pelan pembentukan zon pelepasan rendah selewat-lewatnya suku ketiga 2025, di samping menjalankan kempen kesedaran secara menyeluruh bagi mempersiapkan penduduk menghadapi perubahan ini.

Arahan itu turut menekankan kepentingan menaik taraf pengangkutan awam, dengan memberi keutamaan kepada penggunaan bas dan kereta api elektrik, serta membangunkan infrastruktur kenderaan tenaga bersih termasuk stesen pengcasan dan perkhidmatan penyelenggaraan. - ©BERNAMA

Agensi bantuan Jepun terbitkan bon sokongan Afrika berjumlah 23 bilion Yen Ogos ini

TOKYO, 13 Julai. - Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) akan menerbitkan bon bernilai kira-kira 23 bilion yen (US\$160 juta) pada bulan depan bagi membiayai keperluan pembangunan infrastruktur, pendidikan dan sektor lain di negara-negara Afrika, lapor Agensi Berita Kyodo.

Terbitan bon itu bertepatan dengan penganjuran bersama Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai Pembangunan Afrika (TICAD) kesembilan yang akan

berlangsung di Yokohama, berhampiran Tokyo, dari 20 hingga 22 Ogos.

JICA, agensi bantuan yang disokong kerajaan, menyasarkan pelabur tempatan seperti kerajaan wilayah, institusi kewangan serantau dan syarikat-syarikat Jepun yang berminat untuk melabur di benua Afrika yang kini pesat membangun dan kaya dengan sumber.

"Afrika memiliki potensi pertumbuhan yang besar dengan jumlah penduduk muda yang

ramai. Sokongan menerusi bon ini akan membantu syarikat Jepun mengembangkan perniagaan mereka di rantau itu," kata Pengarah Bahagian Perancangan dan Proses TICAD JICA, Motohiro Matsumura.

Jumlah bon TICAD Afrika kali ini dijangka hampir dua kali ganda berbanding 12 bilion yen yang diterbitkan di bawah skim serupa pada 2019, iaitu kali terakhir persidangan itu diadakan di Jepun.

Sebahagian dana yang

Kebakaran kereta api kargo jejas perkhidmatan di Tamil Nadu

NEW DELHI, 13 Julai. - Satu kebakaran besar melibatkan sebuah kereta api kargo yang membawa muatan minyak mentah berlaku di negeri Tamil Nadu, selatan India, pada Ahad, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan, lapor Xinhua yang memetik kenyataan polis.

Insiden itu mengakibatkan gangguan perkhidmatan kereta api di Chennai, ibu negeri Tamil Nadu.

Southern Railway dalam kenyataan memaklumkan beberapa perkhidmatan kereta api yang dijadualkan berlepas dari Chennai terpaksa dibatalkan, manakala lima lagi diarahkan menggunakan laluan alternatif.

Kebakaran dilaporkan tercetus ketika kereta api kargo yang terdiri daripada 45 gerabak itu sedang melalui daerah Tiruvallur, kira-kira 45 kilometer di barat Chennai.

"Pagi ini, sebuah kereta api kargo dari Ennore ke Jolarpettai yang membawa minyak mentah terbakar ketika melalui laluan Tiruvallur-Egattur.

"Laporan awal mendapati empat gerabak musnah sepenuhnya dalam kebakaran, dan api turut merebak ke beberapa gerabak lain," kata seorang pegawai polis.

Pasukan bomba dikerah ke lokasi kejadian bagi mengawal kebakaran, manakala rakaman televisyen menunjukkan api marak dengan kepulan asap hitam tebal menjulang ke langit.

Anggota Pasukan Tindak Balas Bencana Kebangsaan (NDRF) turut dikerahkan bagi membantu operasi menyelamatkan dan pemulihan.

Sebagai langkah berjaga-jaga, pihak berkuasa turut memindahkan penduduk yang tinggal berhampiran landasan.

Punca kejadian masih dalam siasatan, namun polis mengesyaki kebakaran mungkin berpunca daripada dua gerabak yang tergelincir dari landasan. - ©BERNAMA

Laos keluar amaran kepada penduduk di tebing sungai kemungkinan banjir

VIENTIANE, 13 Julai. - Biro Cuaca Laos memberi amaran kepada orang ramai, terutamanya mereka yang tinggal di tebing sungai agar sentiasa berwaspada kerana hujan lebat, angin kencang sekali-sekala dan paras air sungai yang meningkat mungkin menyebabkan banjir meluas.

Menurut Jabatan Meteorologi dan Hidrologi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, paras air di Wilayah Khammuan mencapai 13.75 meter, menghampiri paras amaran pada 14 meter dengan paras bahaya pada 15 meter. Biro cuaca menjangkakan paras sungai akan mencapai tahap amaran dalam beberapa hari berikutnya.

Biro cuaca juga memberi amaran tentang kemungkinan banjir dan tanah runtuh di seluruh negara akibat hujan lebat.

Pihak berkuasa menggesa penduduk yang tinggal berhampiran sungai dan di kawasan rendah sepanjang tebing sungai agar sentiasa berwaspada dan bersedia, kerana hujan berterusan mungkin mencetuskan tanah runtuh dan banjir kilat. - ©BERNAMA

diperoleh daripada bon terdahulu digunakan bagi membiayai projek seperti pembinaan jambatan merentasi Sungai Nil di Uganda untuk menyokong kelancaran logistik, serta pembangunan infrastruktur tenaga geoterma di Kenya.

Kali ini, JICA merancang untuk memperluaskan penggunaan dana bon bagi mempromosikan pendidikan gaya Jepun yang

menekankan disiplin melalui aktiviti sekolah, selain menyediakan pinjaman kepada petani menerusi institusi kewangan.

TICAD dianjurkan bersama oleh Jepun dan beberapa organisasi pelbagai hala dan diadakan setiap tiga tahun sejak sesi kelima pada 2013. Sebelum itu, ia berlangsung setiap lima tahun sejak diperkenalkan pada 1993. - ©BERNAMA

PKT FT KEJUTKAN GERGASI FC 6-3

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Julai. - Kemantapan serangan PKT FT menjadi senjata kejayaan skuad tersebut setelah berjaya menewaskan Gergasi FC dengan jaringan 6 - 3 pada Kejohanan Bola Sepak Jemputan bagi merebut Piala Lela Cheteria di Padang dan Belapan, Berakas, baru-baru ini.

Pertemuan babak pertama nampak seimbang sekalipun Gergasi FC lebih awal berjaya menembusi gawang PKT FT menerusi larian solo Moussa Mohd. Elsayed pada minit ke-17 tetapi pasukan lawan bijak menyamakan kedudukan 1-1 pada minit ke-37.

Namun, PKT FT berjaya menyuntik sengatan berbisa ke kubu pihak lawan apabila Bayu Eka berjaya merubah kedudukan menjadi 2-1 menerusi sentuhan pada minit ke-46, manakala Faiz Farhan sekali lagi cemerlang dengan kuisan menarik pada minit ke-52.

Seminit selepas itu, Bayu Eka membuat penyokong PKT FT berpesta dengan jaringan menarik untuk menjarakkan kedudukan.

Jaringan Abiodun Fatai pada minit ke-57 tidak cukup menjadi penyuntik semangat rakan sebalikanya Fakhrul Radzi pula kembali melesukan Gergasi FC apabila pemain lincah itu berjaya melepaskan rembatan kencang pada minit ke-59.

PKT FT melengkapkan kemenangan menerusi jaringan Azhan Shah pada minit akhir perlawanan sekalipun Gergasi FC menambah jaringan pada minit kecederaan menerusi Abiodun Fatai untuk kedudukan muktamad 6-3.

"Pemain - pemain bijak memanfaatkan peluang untuk membolosi gawang lawan. Kita juga bernasib baik kerana beberapa ancaman dari penyerang Gergasi FC gagal disudahkan dengan berkesan.

"Kemenangan ini setentunya

AKSI para pemain di antara PKT FT dengan Gergasi FC pada Kejohanan Bola Sepak Jemputan.

hadiah menarik kepada semua pemain yang berusaha gigih memastikan kemenangan pasukan untuk memperbaiki kedudukan liga," jelas Ketua Jurulatih PKT FT, Sapol Rizal Samail.

Sapol Rizal Samail turut mengakui pertemuan dengan Gergasi FC memberi ujian yang mencabar kepada PKT FT namun beliau mezhairkan rasa lega atas kegigihan semua pemain sekali gus mengekalkan rentak kemenangan.

Manakala, Pengurus Gergasi FC, Ermaheidi Jailani pula mengakui beberapa kesilapan pemain-pemain sehingga gagal memanfaatkan deretan peluang yang terhidang di depan pintu gawang lawan yang mengakibatkan kehilangan mata.



"Namun, saya yakin pemain-pemain akan kembali bangkit untuk memperbaiki kesilapan bagi perlawanan seterusnya," ujarnya.

Sementara itu, Shada FT pula berjaya menumpaskan Supastrikas dengan jaringan 3-1 di

Kompleks Sukan Arena, Seria. "Sekalipun kekurangan pemain, Shada FT berjaya memperoleh mata penuh yang sangat penting bagi menyuntik semangat dan perkembangan pasukan ini," jelas Ketua Jurulatih Shada FT, Hanifah Abdullah.

Penghargaan untuk barisan pemain, pengurusan Almerez HiTUNE FC



Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Julai. - Pengurusan dan para pemain Kelab Futsal Almerez HiTUNE yang menampilkan aksi cemerlang sepanjang kejohanan Brunei Futsal League (BFL) 2024-2025 telah menerima pengiktirafan dan penghargaan pada Majlis Malam Gala Almerez HiTUNE FC yang diadakan di Kiulap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah kepada barisan pengurusan pasukan ialah Pemangku Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis.

Anugerah Ketua Jurulatih Terbaik diterima oleh Awang Haji Muhammad Abdul Azim bin Haji Zakeria, manakala Anugerah Penjaga Gol Terbaik diberikan kepada Awang Muhd. Shukri bin Makhbar, sementara Awang Haji Samhiri bin Haji Suhaili pula menerima Anugerah Pengurus Terbaik.

Sementara itu, Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri Pengiran Bujang pula menyampaikan anugerah kepada

para pemain terbaik sepanjang BFL 2024-2025.

Anugerah 'Most Committed Player' diberikan kepada Awang Mohammad Aiman bin Juni yang menjalani 96 kali latihan dan menjadi penjaga gol sebanyak 14 kali perlawanan. Penjaga gol utama Almerez HiTUNE FC tersebut juga menerima anugerah Penjaga Gol Terbaik.

Manakala, anugerah 'Most Improved Player' pula diberikan kepada Awang Mohammad Ikmal bin Samsul; sementara anugerah 'Most Consistent Player' milik Awang Ahmad Afif As'ad bin Awang Ali.

Pemain muda berpotensi, iaitu Harith Hidawi bin Kamsul pula dipilih sebagai 'Best Young Player'.

Sementara pemain dari Iran, Abolfazl Minouei Hussein yang mencipta 14 jaringan menerima anugerah 'Best Anchor', manakala anugerah 'Best Ala' diberikan kepada Awang Syazwan bin Haji Hassan dan anugerah 'Best Pivot' diberikan kepada Awangku Md. Amirul Haziq bin Pengiran Kamshulzaman.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey pula

PEMANGKU Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis (kedua dari kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Gala Almerez HiTUNE FC.

menyampaikan sijil dan plak sebagai tanda penghargaan atas komitmen, pengorbanan dan perjuangan semua pemain dan pengurusan pasukan yang telah menjadi nadi penting dalam menyumbang kejayaan pasukan Almerez HiTUNE FC.

Dalam pada itu, Pengurus Am HiTUNE Group of Companies, Awang Ermaheidi bin Haji Jailani semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya menjelaskan pencapaian terbaik berkenaan mengambarkan usaha yang bersungguh-sungguh para pegawai dan pemain untuk meningkatkan imej dan kejayaan kelab tersebut.

"Saya yakin kelab ini akan terus berjaya pada penyertaan di kejohanan-kejohanan yang lain nanti," ujarnya.

Majlis berkenaan tambahna, merupakan tanda penghormatan dan meraikan pihak pengurusan dan pemain kelab Almerez HiTUNE FC yang menjadi naib juara BFL 2024-2025.

Awang Ermaheidi seterusnya berkata, penubuhan pasukan futsal Almerez HiTUNE FC merupakan inisiatif yang mencerminkan semangat kesukanan yang tinggi dalam memupuk perpaduan dan kerjasama serta gandingan Kelab Almerez dan HiTUNE Group of Companies.

"Kerjasama ini juga merupakan satu langkah penting selaras dengan platform HiTUNE Group of Companies bagi membantu perkembangan sukan di Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.

Limbang FA kekalkan rekod tanpa kalah



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan yang berlangsung di Padang dan Belapan, Berakas.

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Julai. - Pasukan Limbang FA melebarkan rekod tanpa kalah selepas membenam pasukan Kasuka FC 5-2 pada kejohanan Bola Sepak Liga Jemputan Piala Lela Cheteria di Padang dan Belapan, Berakas.

Muhammad Nikwan Messi Rezzki Rosli lebih awal memberi amaran bagi pasukan Limbang FA apabila menyerang pantas itu berjaya merobek gawang Kasuka FC seawal minit ke-3.

Namun pasukan Kasuka FC bijak meredakan kegembiraan penyokong lawan selepas penyerang tinggi lampai dari Iran, Muhd. Reza Rahmania Hassan menyamakan kedudukan di minit ke-6 untuk jaringan 1-1.

Percaturan pasukan jolokan 'Northern Buffalo' mempamerkan lebih kemas menerusi *set pieces* yang sering menggoyangkan pertahanan Kasuka FC dan Gibson Lapo Padin bijak merampas bola untuk memperdayakan penjaga gol Kasuka FC di minit ke-11.

Tiga minit sebelum pemain tamat babak pertama, Muhammad Sharin berjaya merubah kedudukan menjadi 3-1 selepas bijak memanfaatkan umpanan rakan sebelum menewaskan penjaga gol Kasuka FC, Md. Safwan Afie Md. Shahrin.

Limbang FA berjaya mengekalkan rentak pantas di babak kedua dan kelincahan Md. Nikwan Messi Rezzki Rosli terus menyerlah di minit ke-52 apabila melepaskan rembatan yang mengegarkan gawang Kasuka.

Pasukan Kasuka FC berjaya memecah bentang pertahanan Limbang FA di minit ke-64 menerusi Arsyad Taquiuddin namun sentuhan jaringan penyerang itu tidak cukup menyuntik semangat rakan apabila Limbang FA kembali bertenaga dengan menyaksikan Md. Nazzrol Hassan memuktamadkan jaringan kemenangan di minit ke-68 dengan kedudukan 5-2.

"Kami sudah menjangkakan pertemuan yang sengit bertemu dengan pasukan Kasuka FC namun saya gembira pemain-pemain bijak menyempurnakan peluang-peluang untuk mencipta jaringan," jelas Ketua Jurulatih Limbang FA, Bulhaji bin Wahab.

Beliau juga memuji kegigihan anak buahnya untuk berjaya menutup ruang untuk pasukan lawan memperoleh jaringan sekalipun terpaksa akur dengan kemasukan dua jaringan.

Sementara itu, pasukan Miri FA pula memperoleh tiga mata percuma selepas pasukan Sekolah Sukan FC mengumumkan menarik diri daripada kejohanan ini.

Miri FA kekal berada di puncak liga dengan 19 mata sementara pasukan Limbang FA mengutip 17 mata untuk kedudukan kedua.



MENYUNTIK KEFAHAMAN MAKNA HIJRAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat majlis menyertai aktiviti walkaton bersama para peserta di pekarangan Masjid Sultan Sharif Ali (MSSAS), Kampung Sengkurong (kiri). Manakala gambar kanan, sebahagian daripada yang hadir menyertai acara berkenaan.

SENGKURONG, Ahad, 13 Julai. - Lebih 150 peserta menyertai acara Hijrah Walk 3.0, iaitu sebuah program bersempena sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1447 yang berlangsung meriah, bertempat di pekarangan Masjid Sultan Sharif Ali (MSSAS), Kampung Sengkurong pagi tadi.

Dianjurkan bersama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) MSSAS dan Kumpulan Belia Syababul Iman MSSAS, acara berkenaan bertujuan untuk menyemarakkan semangat hijrah dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda, melalui pendekatan sihat dan santai yang berlandaskan nilai-nilai Islam.

Majlis diserikan dengan kehadiran Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, selaku tetamu kehormat majlis, yang turut serta dalam aktiviti walkaton sambil

beramah mesra bersama para peserta.

Acara dimulakan seawal jam 5.00 pagi dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Ceramah Khas Ilal Hijrah bertajuk 'Hijrah Sepanjang Hayat : Setiap Langkah Menuju Allah' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Awang Mohammad Nasyith dalam ceramahnya antara lain menyentuh tentang makna dan nilai sebenar hijrah dari sudut keimanan, perubahan diri, serta peranan belia dalam memperbaharui niat dan amal.

Menurutnya lagi, apa yang penting ialah niat perlu lurus, sentiasa melazimi taubat dan menjaga sembahyang, membanyakkan membaca Al-Quran dan terus berusaha memperbaiki diri sendiri tanpa mencari kekurangan atau kesilapan orang lain.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Seterusnya, para peserta mengikuti sesi senaman ringan sebelum memulakan walkaton sejauh kira-kira tiga kilometer mengelilingi kawasan sekitar MSSAS.

Selain aktiviti utama berjalan santai, program tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti demonstrasi *livecook*, aktiviti kuiz interaktif, serta pengagihan hadiah menarik kepada para peserta yang menunjukkan semangat dan kerjasama terbaik.

Menurut wakil penganjur, acara tersebut bukan sahaja sekadar aktiviti fizikal, tetapi juga satu bentuk tarbiyah untuk menyuntik kefahaman tentang makna hijrah dalam kehidupan seharian.

"Hijrah bukan sekadar perpindahan

tempat, tetapi perubahan hati dan tindakan ke arah kebaikan.

"Acara ini membawa mesej itu dengan pendekatan yang mudah didekati oleh masyarakat umum," ujar salah seorang Belia Syababul Iman.

Program tersebut turut menerima sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk remaja, ibu bapa, dan warga emas yang hadir bersama keluarga mereka.

Dengan adanya acara Hijrah Walk 3.0, pihak penganjur berharap semangat hijrah yang dihidupkan pada Awal Tahun Baharu Islam tersebut akan terus berkekalan dalam jiwa setiap peserta dan masyarakat setempat.

DPMM FC berpesta gol

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SERIA, Ahad, 13 Julai. - Dalam perlawanan penuh aksi bagi Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 15 Tahun (U15), DPMM FC berpesta gol setelah mempersembahkan permainan yang dominan dengan meraih kemenangan bergaya menewaskan Hawa FC Belait dengan jaringan 5 - 0.

Perlawanan tersebut berlangsung di Kompleks Sukan Arena, di sini.

Gol sulung DPMM FC berjaya dijaringkan oleh Muhammad Qawiem pada minit ke-29, diikuti pada minit ke-31 oleh Abd. Rash Amirul sekali gus menambah kedudukan gol

buat DPMM FC.

Manakala pada minit ke-43, Muhammad Qawiem sekali lagi menambah jaringan gol buat DPMM FC menjadikan kedudukan 3 - 0.

Sementara itu, pada separuh masa kedua pula, iaitu pada minit ke-48, Abd. Rash Amirul sekali lagi berjaya menyumbatkan gol keduanya bagi DPMM FC.

Manakala, pada minit ke-61 DPMM FC terus berada di hadapan apabila berjaya menambah jumlah jaringan hasil tendangan daripada Muhd. Arif.

Hawa FC terus berusaha dan tidak berputus asa berusaha untuk mendapatkan jaringan namun hampa sehingga wisel penamat dibunyikan.



PEMAIN-pemain DPMM FC meraikan jaringan gol terhadap Hawa FC Belait dalam perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Arena, Seria.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PAYUNGAN NEGARA: KEPIMPINAN YANG ADIL DAN BERWIBAWA



79

“YA ALLAH, LANJUTKANLAH USIA
KEBAWAH DULI TUAN PATIK
DAN KEKAL KARAR DI ATAS
TAKHTA SINGGAHSANA”



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat